

# JABATAN BANTUAN GUAMAN









**JBG**

The logo features the letters "JBG" in a bold, yellow, sans-serif font. The letters are partially enclosed within a circular emblem. The emblem consists of two concentric blue arcs. A red ribbon-like shape sweeps from the bottom left towards the center, partially covering the bottom arc of the circle.



# JABATAN BANTUAN GUAMAN



# ISIKANDUNGAN

Bahagian I	
Selayang Pandang	
Perutusan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri	1
Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang	3
Tinta Bicara Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman	5
Pengenalan	
Visi	6
Misi	
Objektif	
Piagam Pelanggan Jabatan Bantuan Guaman	7
Carta Organisasi Jabatan Bantuan Guaman	8
Tokoh Yang Menerajui Jabatan Bantuan Guaman	10
Pengarah dan Ketua Pengarah Yang Berkhidmat di Jabatan Bantuan Guaman	12
Detik-Detik Bersejarah (1970 - 2010)	14
Bahagian II	
Bab 1 Menyusur Galur Asas Penubuhan Biro Bantuan Guaman	24
Bab 2 Transformasi Jabatan Bantuan Guaman (1970 - 2010)	28
Bab 3 Meniti Sejarah Dan Pencapaian Cawangan Jabatan Bantuan Guaman Seluruh Malaysia	38
Bab 4 Sepintas Lalu Pindaan Akta Bantuan Guaman 1971 Dan Peraturan-Peraturan	46
Bab 5 Lawatan Kajian Dan Penyelidikan Antarabangsa	48
Bab 6 Era Kecemerlangan	56
Bab 7 Aktiviti Promosi Dan Kerjasama Dengan Agensi-Agenzi Lain	58
Bab 8 Wawancara Khas	
Puan Faridah binti Ibrahim	64
YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman	68
Bahagian III	
Cetusan Rasa	78
Keratan Akhbar	86
Corat-Coret Jabatan Bantuan Guaman	90
Sidang Redaksi	108



ISTANA KHAIRMAN

# BAHAGIAN I

- Selayang Pandang
  - Perutusan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
  - Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
  - Tinta Bicara Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman
- Pengenalan
  - Visi
  - Misi
  - Objektif
- Piagam Pelanggan Jabatan Bantuan Guaman
- Carta Organisasi Jabatan Bantuan Guaman
- Tokoh Yang Menerajui Jabatan Bantuan Guaman
- Pengarah Dan Ketua Pengarah Yang Berkhidmat Di Jabatan Bantuan Guaman
- Detik-Detik Bersejarah (1970 – 2010)



**DATO' SERI MOHAMED NAZRI  
BIN TAN SRI ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI



# Perutusan

## Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia,

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jabatan Bantuan Guaman sempena ulang tahun ke-40 penubuhannya pada September 1970 dan penerbitan buku 40 tahun Jabatan Bantuan Guaman. Semoga dengan terbitnya buku 40 tahun ini akan menjadi perangsang kepada seluruh warga Jabatan Bantuan Guaman untuk terus cemerlang dan berwawasan dalam melaksanakan fungsi yang diamanahkan oleh Kerajaan melalui peningkatan tahap kualiti dan produktiviti.

Sejarah 40 tahun penubuhan Jabatan Bantuan Guaman telah menunjukkan bahawa Jabatan ini telah banyak melakukan transformasi sama ada dari segi perundangan, penstrukturkan semula organisasi dan kemajuan teknologi maklumat dalam usaha untuk memberikan khidmat bantuan guaman yang terbaik kepada masyarakat yang kurang berkemampuan khususnya dan memberikan kesedaran undang-undang kepada masyarakat umum, amnya.

Saya amat berharap agar kesinambungan usaha-usaha murni para pegawai dan kakitangan Jabatan Bantuan Guaman selama ini dalam memberikan khidmat bantuan guaman kepada masyarakat mestilah diteruskan tanpa mengabaikan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan awam. Selaras dengan konsep Gagasan 1Malaysia "rakyat didahulukan pencapaian diutamakan", perkhidmatan yang diberikan mestilah perkhidmatan yang berkualiti, cemerlang dan berteraskan ilmu pengetahuan.

Pada pandangan saya, cabaran utama yang dihadapi oleh Jabatan Bantuan Guaman pada masa sekarang adalah memenuhi kehendak masyarakat kini yang telah celik undang-undang dan peka dengan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan. Oleh itu, saya berharap agar Jabatan Bantuan Guaman sentiasa berusaha untuk bersaing dengan agensi pemberi bantuan guaman lain dengan merangka suatu pelan tindakan jangka masa panjang yang matlamatnya adalah memberikan khidmat guaman terbaik kepada rakyat walau di mana jua mereka berada. Hal ini adalah bertepatan dengan hasrat Kerajaan yang memperkenalkan Model Baru Ekonomi yang bertujuan untuk mewujudkan daya saing yang tinggi dan membawa kemajuan kepada negara.

Saya difahamkan bahawa Jabatan ini telah merangka suatu pelan perancangan strategik untuk 5 tahun bermula dari tahun 2011-2015. Usaha Jabatan Bantuan Guaman dalam merangka Pelan Strategik ini menunjukkan kesungguhan Jabatan ini dalam menjayakan visi dan misinya untuk menjadi agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran keadilan negara. Dengan adanya Pelan tersebut, hala tuju Jabatan dapat dirangka dan program atau aktiviti dapat dijalankan dalam memastikan perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat melalui penilaian dan kajian semula pelaksanaan program atau aktiviti dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya berharap agar penerbitan buku 40 tahun Jabatan Bantuan Guaman akan menjadi pendorong semangat kepada seluruh warga Jabatan Bantuan Guaman untuk terus meningkatkan kecemerlangan dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Saya percaya, berbekalkan iltizam yang tinggi oleh semua warga Jabatan Bantuan Guaman dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan akan dapat membawa Jabatan Bantuan Guaman ke tahap yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Selamat Maju Jaya

Y.B. Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz  
Menteri Di Jabatan Perdana Menteri





# DATO' SARIPUDDIN BIN KASIM

KETUA PENGARAH BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG



# Kata Alu-Aluan

## Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh dan Salam 1Malaysia.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Bantuan Guaman (JBG) kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dalam ruangan ini. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada JBG sempena menyambut ulang tahun penubuhannya bagi kali ke-40.

Menyoroti sejarah, JBG yang memulakan langkah awalnya pada bulan September 1970 dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman. Sebagai sebuah agensi yang sentiasa peka kepada perubahan semasa dan ekspektasi pelanggan, JBG telah mengorak langkah demi langkah sehingga mencapai ke tahap sekarang yang membanggakan. Alhamdullilah, berkat kepimpinan mereka yang telah menerajui JBG dari peringkat awal penubuhan sehingga kini, kita semua dapat melihat perubahan dan pencapaian yang memberangsangkan yang dihasilkan oleh JBG.

Setelah empat dekad, dari era penyediaan nasihat dan bantuan guaman yang terhad kepada bidang kuasa tertentu sahaja, kini JBG mengorak langkah ke hadapan dengan lebih gigih dan cekal termasuk cadangan pemerluasan bidang kuasa.

Sebagai sebuah jabatan yang berfungsi memberi bantuan dan khidmat nasihat guaman, JBG menjadi sandaran dan harapan kepada masyarakat yang semakin celik undang-undang. Sebagai peneraju dalam khidmat ini, agenda untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan sentiasa menjadi keutamaan dan tanggungjawab utama JBG. Dalam hal ini, JBG sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme dan kecekapan dalam menjalankan tugasnya. Justeru itu, bagi menjayakan agenda ini, anjakan transformasi di semua peringkat pengurusan dan sokongan akan dilaksanakan. Usaha-usaha ini adalah bagi menterjemahkan hasrat JBG untuk menjadi agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran keadilan negara.

Hakikat zaman pasti lalui liku-liku perubahan. Untuk maju, manusia perlu sentiasa berada di hadapan keluk perubahan untuk kekal di hadapan manusia perlu menerajui perubahan. Dalam mengharungi perubahan dan tuntutan semasa, JBG perlu sentiasa memainkan peranan secara proaktif menerajui perubahan perkhidmatan bantuan guaman di negara ini. Oleh itu, setiap warga JBG perlu membuktikan kerelevanannya kepada rakyat dengan mentransformasikan peranan JBG supaya selari dengan tuntutan semasa. Marilah kita semua sama-sama menghayati hasrat ini dan menterjemahkannya menjadi realiti.

Akhirnya, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada warga JBG yang telah berjaya melaksanakan penambahbaikan secara berterusan. Sama-samalah kita memain dan menyumbangkan peranan masing-masing dalam menyokong dan menjayakan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan melalui program-program transformasi JBG.

Selamat Maju Jaya.

Dato' Saripuddin bin Kasim  
Ketua Pengarah  
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang





**PUAN SITI ZAWAHIR  
BINTI MOHAMED**  
KETUA PENGARAH JABATAN BANTUAN GUAMAN



# Tinta Bicara

Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) yang dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman telah dapat menerbitkan buku sempena 40 tahun penubuhannya. Tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini.

JBG telah melalui berbagai-bagi perubahan dan transformasi untuk menjadi satu-satunya Jabatan yang memberikan perkhidmatan bantuan guaman secara percuma kepada masyarakat yang kurang berkemampuan di Malaysia. Selaras dengan perkembangan dan tuntutan semasa, penjenamaan semula JBG telah dibuat dan dikuatkuasakan pada 16 Januari 2010.

Sepanjang 40 tahun penubuhannya, JBG telah memainkan peranan penting sebagai agensi yang memberi bantuan guaman kepada masyarakat yang kurang berkemampuan dalam konteks Akta Bantuan Guaman 1971 bagi menentukan golongan tersebut mendapat akses yang sama rata di sisi undang-undang selaras dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan. Perjuangan JBG sejak penubuhan adalah untuk menjadi suatu jabatan yang rakyat Malaysia yang menghadapi masalah undang-undang dan kurang berkemampuan mendapat pembelaan yang sewajarnya.

JBG telah berkembang pesat sejak penubuhannya pada tahun 1970. Pertambahan perjawatan dan pemerluasan bidang kuasa telah memberi kesan kepada peningkatan kes-kes yang dikendalikan oleh JBG di seluruh Malaysia. Dengan perkembangan positif ini, JBG akan sentiasa berusaha untuk berkembang selari dengan peningkatan pengendalian kes melalui penambahbaikan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat.

Selain pengukuhan organisasi, sumbangan kepada dan hubungan dengan masyarakat juga tidak diketepikan. JBG akan berusaha untuk mendekatkan diri dengan kumpulan sasaran melalui penganjuran pelbagai aktiviti yang dianggap boleh memberi manfaat kepada masyarakat yang kurang faham tentang hak mereka di sisi undang-undang.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah banyak menyumbang idea bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan sehingga ke tahap yang ada sekarang.

  
Siti Zawahir binti Mohamed  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bantuan Guaman



# VISI

Untuk menjadi sebuah agensi ulung yang menyumbang kepada sistem pentadbiran keadilan

# MISI

Memberi perkhidmatan bantuan guaman dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada masyarakat terutamanya kepada mereka yang kurang berkemampuan

# OBJEKTIF

Memberi perkhidmatan bantuan dan nasihat guaman serta khidmat pengantaraan dan kesedaran undang-undang kepada mereka yang berkelayakan dengan cekap, tepat dan berkesan

# **PIAGAM PELANGGAN**

## **JABATAN BANTUAN GUAMAN**


---


**Kami berjanji –**

- memastikan semua urusan di kaunter diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi lima belas (15) minit;
- memastikan nasihat undang-undang diberi dengan cepat, tepat dan berkesan;
- memastikan khidmat pengantaraan diselesaikan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh persetujuan kedua-dua pihak untuk mendapatkan khidmat pengantaraan;
- memastikan pemfailan kes-kes ke Mahkamah dibuat dalam tempoh dua (2) minggu selepas penerimaan dokumen-dokumen yang lengkap;
- memastikan perintah bersih diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh satu (1) minggu selepas diterima dari Mahkamah; dan
- memastikan nasihat undang-undang dan bantuan guaman diberikan secara efisien dan berkesan selaras dengan keperluan dan berasaskan prinsip kesamarataan disisi undang-undang.

# CARTA ORGANISASI

## JABATAN BANTUAN GUAMAN







TAN SRI ABDUL KADIR YUSUF  
1970 - 1978



DATO' SERI HJ HAMZAH ABU SAMAH  
1978 - 1982



DATO' DR JAMES P. ONGKILI  
1983 - 1986



TUN DR MAHATHIR MOHAMAD  
1987 - 1988



DATUK SERI UTAMA DR RAIS YATIM  
1999 - 2004



DATO' SERI MOHD RADZI SHEIKH AHMAD  
2004 - 2006



DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
2006 - 2008

## TOKOH YANG MENERAJUI JABATAN BANTUAN GUAMAN



DATO' HJ SULEIMAN HJ DAUD  
1989 - 1990



DATO' SERI SYED HAMID ALBAR  
1991 - 1995



DATO' ABANG ABU BAKAR DATU ABANG HJ MUSTAPHA  
1995 - 1999



DATUK ZAID IBRAHIM  
2008



DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ  
2008 - KINI



1970 - 2010  
BANTUAN GUAMAN MENERUSI DEKAD



Siti Saleha binti Dato' Sheikh Abu Bakar  
16.90 - 15.2.92

Wan Adnan @ Wan Addinan bin Muhamad  
16.2.92 - 31.7.93

Haji Sulaiman bin Ismail  
18.93 - 15.7.94

Ahmad bin Hj Asnawi  
16.7.94 - 31.5.96

## PENGARAH DAN KETUA PENGARAH YANG BERKHIDMAT DI JABATAN BANTUAN GUAMAN



Noor Faridah binti Ariffin  
11.2.80 - 31.12.83



Hashim bin Dato' Haji Che Yusoff  
1.1.84 - 15.8.88



Khairel Anuar bin Ujang  
16.8.88 - 15.11.89



K.N. Segara  
16.11.89 - 31.5.90



Zawawi bin Salleh  
18.96 - 30.9.97



Faridah binti Ibrahim  
1.10.97 - 28.12.06



Dr Hj Hassan bin Abd Rahman  
1.6.07 - 4.2.09



Dato' Nik Hasmat binti Nik Mohamad  
1.4.09 - 14.8.2009



Puan Siti Zawahir binti Mohamed  
16.11.2009 - Kini

# DETIK-DETIK BERSEJARAH

**15 September 1970**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Malaysia yang telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusuf, Peguam Negara bertempat di Jalan Tuanku Abdul Rahman.



**8 Julai 1972**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Kedah bertempat di No. 60 A-B Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar, Kedah.

**1 September 1972**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Terengganu bertempat di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu.

**12 Februari 1974**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Johor bertempat di No.74/75 Jalan Skudai, Johor Bahru.

**1 Disember 1974**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Muar bertempat di Tingkat 1, Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan, Muar, Johor.

**1 Julai 1975**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Negeri Sembilan, Melaka, Kota Bharu dan Kuantan.

**15 Mac 1976**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Sabah bertempat di Lot 3, Blok N, Tingkat 1, Kompleks Sinsuran, Kota Kinabalu, Sabah.

**1 Mei 1976**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertempat di Blok K2, Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur.

**15 Oktober 1976**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Ipoh bertempat di Tingkat Atas, Bangunan Pejabat Tanah, Jalan Douglas, Ipoh, Perak.

**15 Disember 1976**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Perlis bertempat di Tingkat 3, Bangunan Tun Razak, Jalan Tun Razak, Kangar, Perlis.

**26 April 1977**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Selangor bertempat di Blok K2, Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur.

**15 Ogos 1977**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Pulau Pinang bertempat di Pejabat Penasihat Undang-Undang, Bangunan Mahkamah Tinggi, Jalan Farquhar, Pulau Pinang.

**1 April 1980**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Kuching bertempat di Tingkat 11, Bangunan Tunku Abdul Rahman, Petrajaya.

**1 Mac 1983**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan kecil Taiping bertempat di Bangunan Teoh Ah Peng, No. 22 Jalan Barrack, Taiping.

# 1970 - 2010

**1985**

Biro Bantuan Guaman telah diletakkan di bawah Kementerian Kehakiman setelah Kementerian tersebut wujud pada tahun 1985.

**15 Disember 1986**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Kecil Raub bertempat di Bangunan LKNP, Raub.

**4 Jun 1991**

Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Kecil Miri bertempat di Lot 287, Tingkat 1, Brigthon Centre, Jalan Temenggong Oyong Lawai Jau, Miri.

**15 April 1994**

Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman dan Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berpindah secara rasmi ke Tingkat 1, Wisma Cyclecarri, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.

**Jun 1994**

Penempatan pertama seramai enam orang Pegawai Syariah di Biro Bantuan Guaman.

**Mei 1995**

Biro Bantuan Guaman telah diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri setelah Kementerian Kehakiman dibubarkan.



**20 Januari 1996**

Lawatan para pelajar dari Indonesia ke Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman.



**1996**

Pelancaran "Home page" BBG oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohtar bin Abdullah, PEGUAM NEGARA MALAYSIA.



**8 Januari 1997**

Lawatan Menteri Keadilan Republik Namibia ke Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman.

**7 Ogos 1997**

Pelancaran Risalah Undang-Undang dan Program Sesi Akar Umbi di Hotel Allison Klana, Seremban bagi tujuan mempromosi khidmat bantuan guaman kepada seluruh masyarakat. Program ini telah menjadi satu program promosi tetap pada setiap tahun dan dilaksanakan oleh semua cawangan Biro Bantuan Guaman secara alternatif melalui Klinik Guaman.

# DETIK-DETIK BERSEJARAH



**1997**

Buku khas bertajuk "Skim Bantuan Guaman di Malaysia" buat pertama kalinya diterbitkan oleh Biro Bantuan Guaman bagi memberi penerangan kepada orang ramai mengenai Biro Bantuan Guaman Malaysia. Buku ini diterbitkan dalam dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

**9 Ogos 1999**

Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman berpindah dari Wisma Cyclecarri, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur ke Kompleks B7, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

**19 November 1999**

Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman menerima kunjungan pelawat daripada Pejabat Kadi Daerah Brunei Darussalam.

**Mac 2001**

Penubuhan Unit Teknologi Maklumat yang dipertanggung-jawabkan untuk membangunkan Sistem Rangkaian Kerja Setempat (LAN) yang menghubungkan Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman dengan cawangan di seluruh Malaysia (dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kes (CMS)) bagi menggantikan sistem manual yang telah lama digunakan.

**21 Mei 2001**

Laman sesawang rasmi Biro Bantuan Guaman telah dilancarkan oleh YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Oktober 2001**

Buku 30 tahun Biro Bantuan Guaman telah dilancarkan di Impiana Beach Resort, Cherating, Pahang sempena Persidangan Tahunan Biro Bantuan Guaman.

**2001**

- Bahagian Peguam Panel di Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman secara rasminya diwujudkan dengan tiga orang anggota iaitu seorang Pembantu Undang-Undang dan dua orang Pembantu Tadbir.
- Bahagian Penyelidikan dan Dasar diwujudkan di Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman.

**28 Mac 2002**

Pelancaran Info Guaman BBG dilaksanakan oleh YB Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

**Julai 2002**

- Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Kecil Sibu bertempat di Tingkat 3, Bangunan Lakis/Mahkamah Syariah, Jalan Kampung Nyabor, Sibu.
- Video Korporat Biro Bantuan Guaman dilancarkan sempena Persidangan Tahunan BBG di Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah.

**Januari 2003**

- Penubuhan Biro Bantuan Guaman Cawangan Kecil Gua Musang dan Langkawi.
- SISPEN mula diguna pakai di Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman.

## 2003

Rombongan dari Afrika melawat Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman di Parcel B, Putrajaya.



## Januari 2004

- Unit Pengantaraan diwujudkan secara rasminya di Biro Bantuan Guaman.
- Modul "Transfer Data" bagi pemindahan maklumat kes Syariah yang dikendalikan oleh Biro Bantuan Guaman (termasuk kes peguam panel) daripada sistem E-Syariah kepada Case Management System BBG telah berjaya dilaksanakan.

## 22 April 2004

YB Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman.



## 24 Julai 2004

Majlis bersama YB Menteri dengan Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman dan Peguam Panel kali pertama bagi Zon Utara diadakan di Putra Palace, Kangar, Perlis. Sebanyak RM140,000.00 telah dibelanjakan untuk pembayaran fi guaman kepada peguam panel Biro Bantuan Guaman bagi tahun 2004.

## 2004

Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) diguna pakai bagi menggantikan proses pembayaran yang dibuat secara manual oleh Unit Kewangan sebelum itu.

## 9 Julai 2006

Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman berpindah dari Kompleks B7, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya ke Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Presint 3, Putrajaya.

## 1 Ogos 2006

Penstrukturkan semula Biro Bantuan Guaman diluluskan oleh JPA menyebabkan penambahan besar-besaran bilangan perjawatan daripada 270 kepada 518 jawatan.

## 17 Mei 2007

Biro Bantuan Guaman telah menerima kunjungan 4 orang pelawat daripada Banda Aceh, Indonesia.

## 2007

- HRMIS diguna pakai di Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman bagi tujuan merekodkan dan mengemas kini data peribadi dan perkhidmatan pegawai secara elektronik.
- ePerolehan diperkenalkan bagi membantu BBG menguruskan hal ehwal kewangannya secara lebih sistematik, mudah dan cepat.

## 2008

Sistem pengurusan rekod aset dan stor secara manual telah digantikan dengan sistem "MyAsset".

# DETIK-DETIK BERSEJARAH

**9 Oktober 2008**

Biro Bantuan Guaman Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menerima lawatan daripada Agensi Bantuan Guaman Kebangsaan Vietnam.

**14 Mei 2009**

CMS versi baru telah dilancarkan oleh mantan Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman, Puan Nik Hasmat binti Nik Mohamad semasa Persidangan ke-20 Pegawai-Pegawai Biro Bantuan Guaman Malaysia di Cherating, Pahang.

**25 Mei 2009**

CMS versi baru digunakan serentak di semua Cawangan Biro Bantuan Guaman.

**9 Julai 2009**

Perasmian pejabat baru Jabatan Bantuan Guaman Kelantan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.



**16 Januari 2010**

Secara rasminya nama Biro Bantuan Guaman telah ditukar kepada Jabatan Bantuan Guaman.

**19 Mac 2010**

Laman sesawang Jabatan Bantuan Guaman yang baru digunakan secara rasmi.

**12 Mei 2010**

Lawatan kerja oleh YB/YAA Ketua Hakim Syarie Negara Brunei Darussalam dan rombongan ke Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman.



**23 Jun 2010**

Lawatan kerja oleh YBhg. Dato' Abdullah Sani, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang ke Jabatan Bantuan Guaman Kelantan.

# 1970 - 2010

**21 Julai 2010**

JBG menerima pakai Sistem Integrasi Pemantauan Aduan Agensi Awam (i-SPAAA) bagi meningkatkan lagi keberkesanan sistem penyampaian dalam membantu seluruh lapisan masyarakat.



**14 Oktober 2010**

Lawatan kerja oleh YBhg. Dato' Saripuddin bin Kasim, Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang ke Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Kuantan.



**22 Oktober 2010**

Lawatan kerja oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Sibu.



**25 November 2010**

Lawatan kerja oleh YB Datuk Liew Vui Keong, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ke Jabatan Bantuan Guaman Pulau Pinang.



**2010**


- Unit Teknologi Maklumat JBG menduduki tangga ke 26 daripada 1145 Laman Web Agensi Kerajaan berdasarkan laporan "Malaysia Government Portals and Websites Assessment" (MGPWA) Tahun 2010.
- Jabatan Bantuan Guaman telah mengguna pakai sistem pengurusan aset yang baru menggantikan sistem "MyAsset" dikenali sebagai "Sistem Pengurusan Aset".

Gambar Kenangan

Hari Terakhir Kakitangan Ibu Pejabat Bersama Mantan Ketua Pengarah JBG, Dato' Nik Hasmat binti Nik Mohamed







# **BAHAGIAN II**

- Bab 1 - Menyusur Galur Asas Penubuhan Biro Bantuan Guaman
- Bab 2 - Transformasi Jabatan Bantuan Guaman (1970-2010)
- Bab 3 - Meniti Sejarah Dan Pencapaian Cawangan Jabatan Bantuan Guaman Seluruh Malaysia
- Bab 4 - Sepintas Lalu Pindaan Akta Bantuan Guaman 1971 Dan Peraturan-Peraturan
- Bab 5 - Lawatan Kajian Dan Penyelidikan Antarabangsa
- Bab 6 - Era Kecemerlangan
- Bab 7 - Aktiviti Promosi Dan Kerjasama Dengan Agensi-Agenzi Lain
- Bab 8 - Wawancara Khas
  - Puan Faridah binti Ibrahim
  - YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman

# BAB 1

## MENYUSUR GALUR ASAS PENUBUHAN BIRO BANTUAN GUAMAN



Penubuhan Biro Bantuan Guaman telah difikirkan sejak tahun 1954, tetapi langkah positif yang pertama telah diambil pada tahun 1960 apabila sepucuk surat ditulis oleh seorang "orthopaedic almoner" dari Hospital Kuala Lumpur. Beliau telah memohon agar bantuan guaman percuma diberi kepada pesakit-pesakit yang mengalami ketidakupayaan residuari yang teruk dengan pampasan dapat diberikan sekiranya mereka diberi perwakilan undang-undang.

Pada bulan Oktober 1969, perkara ini telah dirujuk kepada Peguam Negara dan beliau menyokong saranan ini. Perkara ini kemudiannya telah dirujuk kepada Kementerian Keadilan yang seterusnya meminta nasihat daripada Majlis Peguam. Majlis Peguam juga turut menyatakan persetujuan mereka terhadap penubuhan skim ini.

Suatu jawatankuasa telah dilantik bagi mengkaji perkara ini. Pada September 1970, suatu projek percubaan bagi perkhidmatan bantuan guaman dan khidmat nasihat telah diperkenalkan. Peruntukan sebanyak RM100,000.00 telah diluluskan bagi tujuan tersebut.

Pada awal penubuhannya, perkhidmatan Biro Bantuan Guaman adalah terhad kepada prosiding-prosiding tertentu sahaja bagi memastikan dana yang telah diperuntukkan dapat digunakan sewajarnya. Keutamaan diberikan kepada kes-kes kekeluargaan yang lebih memerlukan bantuan segera seperti kes tuntutan nafkah, penguatkuasaan perintah nafkah, masalah kekeluargaan dan perkahwinan, perceraian dan penjagaan anak.



Ketika Biro Bantuan Guaman ditubuhkan pada tahun 1970, ia telah diletakkan di bawah Jabatan Peguam Negara. Pada tahun 1985, Biro Bantuan Guaman kemudianya telah diletakkan pula di bawah Kementerian Undang-Undang dengan tertubuhnya Kementerian pada tahun tersebut. Bermula pada tahun 1995 sehingga kini, Biro Bantuan Guaman telah diletakkan di bawah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri setelah ia diwujudkan bagi menggantikan Kementerian Undang-Undang.

Kini, dengan 22 cawangan di seluruh negara dan diterajui oleh seorang Ketua Pengarah Gred JUSA B, 2 orang Timbalan Ketua Pengarah Gred JUSA C dan 54, 39 orang Pegawai Undang-Undang, 28 Orang Pegawai Syariah dan 382 orang kakitangan sokongan dan selaras dengan langkah-langkah pembaharuan yang dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat, maka cadangan penukaran nama Biro Bantuan Guaman kepada Jabatan Bantuan Guaman telah diluluskan oleh YBhg. Tan Sri Ketua Setiausaha Negara dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tertinggi (JKTT) yang telah diadakan pada 12 Januari 2010. Penukaran nama tersebut telah mula berkuat kuasa pada 16 Januari 2010.

---

# PERANCANGAN TELITI DEMI KECEMERLANGAN JABATAN

---

Setiap Ketua Cawangan bertanggungjawab memacu kecemerlangan cawangan masing-masing.



## BAB 2

# TRANSFORMASI JABATAN BANTUAN GUAMAN (1970 - 2010)

### Menggalas Tanggungjawab Merentasi Masa Oleh Bahagian Pengurusan

Antara sedar dan tidak, sudah 40 tahun Bahagian Pengurusan berganding bahu dalam menggalas tanggungjawab dan amanah yang diberikan khususnya dalam hal ehwal perkhidmatan dan pentadbiran Jabatan Bantuan Guaman. Perjalanan merentasi masa tersebut menyaksikan pelbagai perubahan dalam segenap aspek yang merangkumi sumber manusia dan peluasan fungsinya sejajar dengan perkembangan semasa, keperluan Kerajaan dan kehendak masyarakat.

Bermula sebagai suatu komponen kecil pada awal kewujudannya, peranan yang dipikul bertambah berat dan semakin mencabar apatah lagi dengan pertambahan warga Jabatan daripada 8 orang pegawai pada tahun 1970 kepada 518 orang pegawai pada masa kini. Fungsinya pula telah diperluas bukan hanya terhad kepada hal ehwal perkhidmatan, pentadbiran dan kewangan malah kepada urusan pengautomasian pejabat iaitu penggunaan teknologi maklumat dalam urusan sehari-hari, pengurusan perpustakaan, pengurusan aset dan stor. Terkini adalah pewujudan suatu lagi unit baru taitu Unit Inovasi selaras dengan arahan Kerajaan agar Jabatan membudayakan aspek kreatif dan inovasi di agensi masing-masing.

Peka dengan perubahan semasa, Bahagian ini telah mengorak langkah ke hadapan dengan mengoptimumkan penggunaan kemudahan teknologi maklumat dalam urusan pentadbiran sehari-hari. Sebelum tahun 2000, hampir keseluruhan proses kerja dilaksanakan secara manual berikutan dengan sistem yang berkaitan masih belum dibangunkan. Kewujudan Unit Teknologi Maklumat di bawah Bahagian yang sama pada tahun 2001 telah membawa kepada transformasi dalam proses kerja. Dahulu, maklumat kes akan direkod secara manual, walau bagaimanapun mulai tahun 2002 tugas tersebut telah dipermudah melalui pembangunan suatu sistem yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kes. Bersesuaian dengan keperluan semasa, sistem berkenaan telah ditambah baik dan versi baru telah dilancarkan secara rasminya pada 14 Mei 2009. Usaha menambah baik tidak hanya terhenti setakat itu sahaja malah Unit berkenaan terus berusaha memperkemas laman web yang telah dibangunkan sejak tahun 2001. Hasilnya, laman web Jabatan yang berwajah baru telah dilancarkan secara rasminya pada 19 Mac 2010 yang lalu.

Budaya "paperless" telah diperluas kepada proses kerja yang melibatkan hal ehwal perkhidmatan. Tidak ingin ketinggalan, Bahagian Pengurusan telah mengguna pakai sistem SISPEN mulai tahun 2003 dan HRMIS pada tahun 2007 bagi tujuan merekodkan dan mengemas kini data peribadi dan perkhidmatan pegawai secara elektronik. Pada ketika ini, usaha sedang giat dijalankan bagi membolehkan semua warga Jabatan ini di seluruh negara mengguna pakai sistem secara atas talian bagi urusan seperti permohonan cuti rehat, pengisytiharan harta, pengisian Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan juga Sasaran Kerja Tahunan. Disasarkan perubahan proses kerja daripada sistem manual kepada sistem elektronik akan dapat dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2011.

Jabatan ini telah mula mengguna pakai Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) pada penghujung tahun 2004 bagi menggantikan proses pembayaran yang dibuat secara manual oleh Unit Kewangan sebelum itu. Urusan kewangan terus ditambah baik dengan pengenalan sistem e-Perolehan pada tahun 2007. Penggunaan sistem elektronik tersebut telah banyak membantu Jabatan ini menguruskan hal ehwal kewangannya secara lebih sistematik, mudah dan cepat, apatah lagi dalam mematuhi arahan Kerajaan agar proses pembayaran diselesaikan dalam tempoh 14 hari.



Persidangan Pegawai-Pegawai Jabatan Bantuan Guaman Malaysia Kali ke-20 di Hotel Legend Cherating, Pahang

besarnya terhadap pembangunan laman web Jabatan yang menduduki tangga ke-26 daripada 1145 laman web agensi Kerajaan berdasarkan laporan Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) Tahun 2010. Unit Kewangan pula telah mendapat Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti bagi Tahun 2008 daripada Jabatan Audit Negara. Kejayaan tersebut merupakan suatu pengiktirafan yang sekali gus menjadi dorongan kepada Jabatan untuk terus melaksanakan dan memperkasakan fungsinya pada masa-masa akan datang.

Selaras dengan penekanan yang diberikan kepada pengurusan aset dan stor, Bahagian ini turut melaksanakan transformasi ke atas rekod aset dan stor Jabatan. Sistem rekod secara manual telah digantikan dengan sistem MyAsset pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010, Jabatan ini telah menggunakan sistem pengurusan aset yang baru hasil daripada penambahbaikan yang telah dibuat ke atas sistem MyAsset. Sistem yang baru tersebut dikenali sebagai Sistem Pengurusan Aset.

Beban tugas yang kian bertambah di samping kekangan dari segi sumber tenaga dan kewangan tidak sesekali mematahkan semangat dan usaha Jabatan ini untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Ini terbukti dengan pencapaian membanggakan oleh Unit Teknologi Maklumat melalui sumbangan




Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri Tahun 2009  
Di Hotel Legend, Kuala Lumpur

## Menegak Keadilan Oleh Bahagian Litigasi Dan Nasihat

Bahagian Litigasi dan Nasihat bertanggungjawab untuk memantau, mengawal selia urusan pengendalian serta pentadbiran kes sivil, jenayah, juvana dan kes Syariah di cawangan Jabatan Bantuan Guaman serta memberikan khidmat nasihat dalam semua perkara yang berhubung kait dengan litigasi kepada para pegawai serta kakitangan di semua 22 cawangan JBG di seluruh negara termasuk di Ibu Pejabat.

Bahagian ini juga bertanggungjawab memantau pengendalian kes cawangan-cawangan dengan meneliti laporan perbicaraan setiap pegawai yang hadir dan berguam di mahkamah, meneliti data statistik kes dari cawangan dan membuat laporan bagi memastikan pegawai dan kakitangan boleh menampung beban tugas yang dihadapi oleh setiap cawangan, mengkaji dan menambah serta mewujudkan jawatan-jawatan baru serta cawangan-cawangan baru di seluruh negara mengikut keperluan semasa. Sehingga tahun 2006 Bahagian ini telah mengendalikan sebanyak 119,169 kes di seluruh negara berbanding dengan 150 kes sahaja pada tahun 1970. Ekoran daripada peningkatan kes berbanding dengan kemampuan tenaga kerja sedia ada, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan penstrukturkan semula JBG pada 1 Ogos 2006 yang menyebabkan penambahan besar-besaran bilangan perjawatan daripada 270 jawatan kepada 518 jawatan. Sehingga Disember tahun 2010 Jabatan Bantuan Guaman telah mengendalikan sebanyak 196,322 kes di seluruh negara.

**Bilangan Kes Sivil dan Syariah Yang Telah Dikendalikan Oleh  
Jabatan Bantuan Guaman  
Dari Tahun 1970 Hingga 2010**



## Khidmat Nasihat Sivil Dan Syariah Dari Tahun 1970 Hingga 2010



### Mencari Perdamaian oleh Bahagian Pengantaraan

Menyedari bahawa cara terbaik untuk menyelesaikan pertikaian adalah melalui proses perbincangan dan perdamaian, pada Januari 2004 Bahagian Pengantaraan telah diwujudkan di semua cawangan JBG termasuk di Ibu Pejabat. Bahagian ini bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian antara pihak-pihak di luar mahkamah secara sukarela dan damai tanpa perlu kepada proses perbicaraan di mahkamah.



Bermula daripada perwujudan Bahagian Pengantaraan sehingga kini, bilangan sesi pengantaraan yang telah dikendalikan oleh Jabatan Bantuan Guaman telah menunjukkan peningkatan pada setiap tahun. Tahun 2008 mencatatkan jumlah peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 266 kes menjadikan jumlah pengantaraan yang dijalankan pada tahun tersebut adalah sebanyak 3018 kes berbanding dengan tahun 2007 yang mencatat sebanyak 2752 kes. Pada tahun 2009 sebanyak 3065 kes pengantaraan telah dijalankan. Sehingga bulan Disember 2010 Jabatan Bantuan Guaman telah mengendalikan sebanyak 3496 kes pengantaraan menjadikan jumlah keseluruhan kes pengantaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Bantuan Guaman semenjak pengantaraan diperkenalkan adalah sebanyak 12,970 kes.



## Panel Peguam

Berdasarkan prinsip keadilan, Jabatan Bantuan Guaman tidak boleh mewakili atau mengendalikan kes yang kedua-dua pihak yang bertikai ialah anak guam Jabatan Bantuan Guaman. Demi keadilan kepada kedua-dua pihak yang bertikai, Bahagian Panel Peguam akan menyerahkan kes sebegini kepada peguam panel yang dilantik oleh Jabatan Bantuan Guaman. Peguam Panel terdiri daripada peguam-peguam swasta, yang telah dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Bantuan Guaman di bawah seksyen 5 Akta Bantuan Guaman 1971 bagi mengendalikan kes sivil dan Syariah. Kes-kes yang diserahkan kepada peguam panel dibayar mengikut kadar yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan Bantuan Dan Nasihat Guaman 1970. Bahagian Panel Peguam juga bertanggungjawab untuk menyelia kes-kes yang dikendalikan oleh peguam-peguam panel. Selain daripada itu, Bahagian ini juga mengendalikan kes pengecualian khas melalui kelulusan Menteri seperti kes di luar bidang kuasa Jabatan Bantuan Guaman dan Pemohon yang tidak layak mendapat bantuan guaman di bawah kategori pertama dan kedua Akta Bantuan Guaman 1971.



Mulai dari tahun 2000, peranan Bahagian Panel Peguam semakin meluas dan bertambah apabila Jabatan menggalakkan penyerahan kes kepada peguam panel bagi menampung jumlah kes yang semakin meningkat dan bagi menangani masalah kes yang tertangguh kerana kekurangan pegawai. Pada tahun 2001, Bahagian Panel Peguam secara rasminya wujud sebagai suatu bahagian berasingan yang dianggotai oleh seorang pembantu undang-undang dan dua orang pembantu tadbir gred N9. Sehingga bulan Disember tahun 2010, sebanyak RM1,697,049.00 telah dibelanjakan oleh Jabatan Bantuan Guaman bagi membayar khidmat peguam panel yang dilantik bagi mewakili kedua-dua anak guam Jabatan Bantuan Guaman di mahkamah atau mengendalikan kes yang rumit.

## Perubahan Perundangan Dan Usaha Penyelidikan

Bahagian Penyelidikan dan Dasar diwujudkan untuk menjalankan penyelidikan bagi mengupas isu undang-undang yang rumit dan kompleks berhubung dengan JBG. Kajian kes dan isu-isu perundangan ini meliputi undang-undang sivil dan Syariah. Isu-isu perundangan yang dirujuk kepada Bahagian ini datangnya daripada cawangan-cawangan JBG seluruh negara atau pihak pengurusan tertinggi JBG ataupun daripada agensi-agensi Kerajaan atau badan bukan kerajaan yang lain. JBG juga melalui Bahagian ini sedang menyiapkan draf perluasan bidang kuasa Syariah dan sivil JBG serta mengemas kini perundangan subsidiari yang sedia ada bagi memastikan perundangan JBG adalah selaras dengan keperluan dan tuntutan semasa. Selain itu, Bahagian ini juga bertanggungjawab berkaitan dengan dasar-dasar jabatan yang perlu dilaksanakan oleh semua cawangan demi memastikan sistem penyampaian JBG dapat diberikan secara cekap dan berkesan.

Bahagian ini turut berfungsi sebagai pusat pengumpulan data dan maklumat JBG yang merangkumi statistik kes aduan, pencapaian piagam pelanggan dan maklum balas pelanggan yang boleh dijadikan Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) Jabatan. Dalam usaha mentransformasikan JBG supaya setaraf dengan firma guaman tempatan dan badan bantuan guaman di peringkat antarabangsa, JBG telah mengorak langkah dengan mengadakan beberapa siri lawatan kajian penyelidikan ke luar negara seperti ke United Kingdom, Mesir, Indonesia, Hong Kong, Australia, Singapura, Brunei dan Filipina. Impak daripada lawatan tersebut, maka pada tahun 2003 ujian kemampuan JBG telah dipinda dan pada tahun 2006 Bahagian Pengantaraan telah diwujudkan di Ibu Pejabat dan cawangan JBG hasil daripada lawatan ke Singapura dan Indonesia yang telah pun mengamalkan sistem pengantaraan.



BANTUAN GUAMAN MENERUSI DEKAD  
JABATAN BANTUAN GUAMAN

MAJLIS MAKAN MALAM PEGAWAI JBG BERSAMA MENTERI BESAR PAHANG, DATO' SRI ADNAN BIN YAAKOB





# BAB 3

## MENITI SEJARAH DAN PENCAPAIAN CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN SELURUH MALAYSIA

### 1. Selangor

Ditubuhkan pada September 1970 bertempat di Blok K2, Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur sebagai lokasi pertama yang ketika itu digabungkan bersama BBG Kuala Lumpur yang bertindak sebagai Ibu Pejabat. Cawangan ini kemudian berpindah ke Bangunan Kuwasa, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dengan enam orang pegawai dan kakitangan. Pada tahun 1990, Cawangan ini telah menjadi suatu cawangan yang berasingan daripada BBG Kuala Lumpur. Cawangan ini kini beroperasi di Tingkat 6, Bangunan Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran dengan 28 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah menunjukkan peningkatan kemasukan kes yang ketara berbanding dengan kemasukan kes pada dekad sebelumnya. Pada tahun 2000 hanya 591 kes sahaja yang telah didaftarkan, manakala catatan statistik sehingga tahun 2010 telah menunjukkan kemasukan sebanyak 8568 kes.

### 2. Kedah

Ditubuhkan pada 8 Julai 1972 dan dahulunya dikenali sebagai Biro Bantuan Guaman Kedah/Perlis bertempat di No. 60 A-B Jalan Tunku Ibrahim, Alor Setar, Kedah dengan 6 orang pegawai dan kakitangan. Pada 15 Disember 1976, Biro Bantuan Guaman Kedah telah dipisahkan daripada Biro Bantuan Guaman Perlis. Pada 15 Julai 1986, Cawangan ini sekali lagi berpindah ke Tingkat Bawah, Wisma Persekutuan, Jalan Kampong Baru, Alor Setar, Kedah. Mulai 12 Oktober 2008, cawangan ini telah berpindah ke Aras 3, Zon A, Wisma Persekutuan, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Muadzam Shah, Anak Bukit, Kedah. Cawangan ini kini mempunyai 22 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah menunjukkan peningkatan kemasukan kes yang agak banyak berbanding 10 tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2000 jumlah kemasukan kes adalah sebanyak 720 kes manakala daftar kemasukan kes tahun 2010 telah menunjukkan kemasukan sebanyak 7352 kes.

### 3. Terengganu

Ditubuhkan pada 1 September 1972 dan dirasmikan oleh YB Peguam Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Abdul Kadir bin Yusof. Pejabat pertama Cawangan ini terletak di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Kuala Terengganu dengan 5 orang pegawai dan kakitangan. Pada 10 Januari 1975 Cawangan ini telah berpindah ke Bangunan Kerjasama, Jalan Paya Bunga, Kuala Terengganu. Pada 14 Mac 1978, Cawangan ini berpindah ke Tingkat 4, Wisma Persekutuan, Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu. Pada 10 Ogos 1995, Cawangan ini telah berpindah ke Tingkat 7, Kompleks Mahkamah, Jalan Sultan Mohamad, Kuala Terengganu dan kekal sehingga kini dengan 23 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah menunjukkan peningkatan kemasukan kes yang ketara berbanding dengan kemasukan kes pada dekad sebelumnya. Pada tahun 2000 hanya 359 kes sahaja didaftarkan. Sebaliknya pada tahun 2010, 6754 kes telah didaftarkan.

#### **4. Johor**

Ditubuhkan pada 12 Februari 1974 bertempat di No. 74/75, Jalan Skudai, Johor Bahru dengan 6 orang pegawai dan kakitangan. Kini bertempat di Tingkat 2, Bangunan Pusat Profesional, Jalan Dato' Mohamad Mufti, Johor Bahru. Cawangan ini kini mempunyai seramai 27 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah memenangi Pertandingan Pejabat Cawangan Terbaik anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 2000 dan memenangi Anugerah Pertandingan Pejabat Terbaik anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 2002. Pada tahun 2000, Cawangan ini telah mengendalikan sebanyak 610 kes, manakala pada tahun 2010 cawangan ini telah mengendalikan sebanyak 7875 kes.

#### **5. Muar**

Ditubuhkan pada 1 Disember 1974 bertempat di Tingkat 1, Bangunan Pejabat-Pejabat Kerajaan, Muar dengan 3 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini kini berlokasi di No. 8-1,8-2,8-3, Jalan Ibrahim, Muar, Johor dengan 10 orang pegawai dan kakitangan. Pada tahun 2000, Cawangan ini hanya mengendalikan sebanyak 377 kes sahaja namun meningkat kepada 5014 kes pada tahun 2010.

#### **6. Negeri Sembilan**

Ditubuhkan pada 1 Julai 1975 bertempat di Bangunan Mahkamah Tinggi Malaya Seremban, Jalan Lister, Seremban, Negeri Sembilan dengan 3 orang pegawai dan kakitangan. Pada tahun 1982, Cawangan ini telah berpindah ke Tingkat 7, Wisma Persekutuan, Jalan Dato' Abdul Kadir, Seremban, Negeri Sembilan dengan 15 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah menunjukkan peningkatan kemasukan kes yang agak ketara iaitu daripada 347 kes pada tahun 2000 kepada 5249 kes pada tahun 2010.

#### **7. Melaka**

Ditubuhkan pada 1 Julai 1975 bertempat di Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka dengan 4 orang pegawai dan kakitangan. Pada 1 Julai 1981, Cawangan ini telah berpindah ke Tingkat 8, Wisma Persekutuan, Jalan Hang Tuah. Pada 30 Julai 2010 Cawangan ini telah berpindah pula ke Tingkat 6, Menara Persekutuan, Jalan Persekutuan, MTC, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh. Bilangan pegawai dan kakitangan kini ialah 15 orang. Cawangan ini telah diberi penghormatan oleh Kerajaan Negeri Melaka apabila pegawainya telah dilantik menjadi ahli tetap Jawatankuasa Pos Hal Ehwal Pengguna Negeri Melaka, Ahli Jawatankuasa Pindaan Enakmen Keluarga Islam Negeri Melaka, Ahli Jawatankuasa Pos Exco Hal Ehwal Islam Melaka dan Ahli Jawatankuasa Pos Exco Hal Pembangunan Wanita Negeri Melaka. Pada tahun 2000, Cawangan ini hanya mengendalikan sebanyak 257 kes sahaja namun meningkat kepada 4380 kes pada tahun 2010.

## **8. Pahang**

Ditubuhkan pada 1 Julai 1975 dan beroperasi di Pejabat Penasihat Undang-Undang Wisma Sri Pahang, Kuantan, Pahang dengan 6 orang pegawai dan kakitangan. Pada 16 Januari 1976, Cawangan ini telah berpindah ke Bangunan Lembaga Kemajuan Perusahaan Pahang (LKPP) Jalan Gambut, Kuantan. Pada 31 Januari 1978, Cawangan ini sekali lagi telah berpindah lokasi ke No. 69, Bangunan Udarul Aman, Jalan Tun Ismail, Kuantan. Pada 15 Disember 1982, Cawangan ini telah berpindah pula ke Tingkat 8, Wisma Persekutuan, Jalan Gambut, Kuantan, Pahang dan beroperasi sehingga kini dengan 23 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan Kuantan telah menunjukkan kecemerlangan dengan memenangi tempat pertama Pertandingan Kaunter Terbaik Anjuran Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat pada tahun 1995, memenangi tempat kedua Pertandingan Cawangan Terbaik anjuran Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat pada tahun 1995 dan mendapat Gred A dalam Audit Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan BHEUU 2006/2007. Pada tahun 2000, Cawangan ini hanya mengendalikan sebanyak 459 kes sahaja namun meningkat kepada 6874 kes pada tahun 2010.

## **9. Kelantan**

Ditubuhkan pada 1 Julai 1975 bertempat di No.3788G, Jalan Sultan Ibrahim, Kota Bharu, Kelantan dengan 6 orang pegawai dan kakitangan. Selepas beberapa tahun, Cawangan ini telah berpindah ke Wisma Persekutuan, Jalan Bayam, Kota Bharu. Pada 1 April 2009, Cawangan ini telah berpindah sekali lagi ke Wisma Mustapha, Jalan Sultanah Zainab, Kota Bharu dan Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Tan Sri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Cawangan ini kini mempunyai 27 orang kakitangan. Berdasarkan statistik tahunan JBG, Cawangan ini merupakan cawangan yang paling banyak menerima kes. Berdasarkan statistik yang dikumpul pada tahun 2000, jumlah kes yang telah didaftarkan adalah sebanyak 1208 kes, manakala jumlah keseluruhan kes yang dikendalikan oleh cawangan ini dari tahun 2000 sehingga 2010, adalah sebanyak 11352 kes.

## **10. Sabah**

Ditubuhkan pada 15 Mac 1976 bertempat di Lot 3, Blok N, Tingkat 1 Kompleks Sinsuran, Kota Kinabalu dan kini beralamat di Tingkat 2, Menara MAA, No.6 Lorong Api-Api 1, Kota Kinabalu, Sabah. Cawangan ini kini mempunyai 25 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah menunjukkan kemasukan kes yang agak banyak iaitu 491 kes pada tahun 2000 dan 4758 kes pada tahun 2010.

## **11. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**

Ditubuhkan pada 1 Mei 1976 bertempat di Blok K2, Kompleks Kerajaan Jalan Duta, Kuala Lumpur dengan 7 orang kakitangan. Cawangan ini kini bertempat di Tingkat 2, Menara EON Bank, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur dengan 28 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah menunjukkan peningkatan kemasukan kes yang agak ketara iaitu 420 kes pada tahun 2000, 628 kes pada tahun 2005 dan 6833 kes pada tahun 2010. Cawangan Kuala Lumpur telah memenangi tempat kedua Pertandingan Kaunter Terbaik Anjuran Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat pada tahun 1995.

## **12. Perak**

Ditubuhkan pada 15 Oktober 1976 bertempat di Tingkat Atas, Bangunan Pejabat Tanah Jalan Douglas, Ipoh dengan 7 orang pegawai dan kakitangan. Kemudiannya, ia telah berpindah ke Bangunan MCIS, Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh. Pada tahun 1994, Cawangan ini telah berpindah lagi ke Tingkat Bawah Bangunan Seri Kinta, Jalan Sultan Idris, Ipoh. Pada tahun 2000, Cawangan ini berpindah pula ke Tingkat 4, Blok A Bangunan Persekutuan Ipoh, Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown). Pada tahun 2007, Cawangan ini telah berpindah sekali lagi ke Tingkat Bawah, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh, Jalan Dato' Ahmad Said (Greentown), Ipoh dan kekal sehingga kini. Cawangan ini kini mempunyai 25 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini telah menunjukkan peningkatan kemasukan kes yang agak ketara iaitu 397 kes pada tahun 2000 dan 5029 kes pada tahun 2010.

## **13. Perlis**

Ditubuhkan pada 15 Disember 1976 dan beroperasi di Tingkat 3, Bangunan Tun Razak, Jalan Tun Razak, Kangar dengan 4 orang pegawai dan kakitangan. Pada tahun 1997, Cawangan ini telah berpindah ke pejabat yang lebih besar di Tingkat 7, Bangunan Persekutuan Kangar, Persiaran Jubli Emas, Kangar, Perlis sehingga sekarang. Cawangan ini kini mempunyai 16 orang pegawai dan kakitangan. Pertambahan bilangan kakitangan cawangan ini adalah berikutan dengan pertambahan statistik kemasukan kes yang telah meningkat daripada 162 kes pada tahun 2000, 276 kes pada tahun 2005 dan 3171 kes pada tahun 2010.

## **14. Pulau Pinang**

Ditubuhkan pada 15 Ogos 1977 dan lokasi pertamanya ialah di Pejabat Penasihat Undang-Undang, Bangunan Mahkamah Tinggi, Jalan Farquhar, Pulau Pinang dengan 5 orang pegawai dan kakitangan. Pada 15 Oktober 1988, Cawangan ini telah berpindah ke Tingkat 3, Bangunan Bank Negara, Lebuh Light Pulau Pinang. Pada 1 April 1996, ia telah berpindah ke Tingkat 4, bangunan yang sama. Pada 1 Ogos 2005, Cawangan ini sekali lagi berpindah ke Bangunan Gunasama Persekutuan di Jalan Anson, Pulau Pinang sehingga sekarang. Cawangan ini kini mempunyai 22 orang pegawai dan kakitangan. Pertambahan bilangan kakitangan cawangan ini adalah berikutan dengan pertambahan statistik kemasukan kes yang telah meningkat daripada 315 kes pada tahun 2000 kepada 501 kes pada tahun 2005 dan 6349 kes pada tahun 2010.

## **15. Sarawak**

Ditubuhkan pada 1 April 1980 bertempat di Tingkat 11, Bangunan Tunku Abdul Rahman, Petrajaya dengan 3 orang kakitangan. Kemudian berpindah ke Jalan Reservoir, Kuching pada penghujung bulan Disember 1980. Pada tahun 1982, Cawangan ini berpindah ke Tingkat 6, Bangunan Sultan Iskandar, Jalan Simpang Tiga, Kuching sehingga sekarang. Cawangan ini kini mempunyai 26 orang pegawai dan kakitangan. Pertambahan bilangan kakitangan cawangan ini adalah berikutan dengan pertambahan statistik kemasukan kes yang telah meningkat daripada 615 kes pada tahun 2000 kepada 723 kes pada tahun 2005 dan 7671 kes pada tahun 2010.

#### **16. Taiping**

Ditubuhkan pada 1 Mac 1983 bertempat di Bangunan Teoh Ah Peng, No. 22, Jalan Barrack, Taiping dengan 2 orang kakitangan sahaja. Cawangan ini bertempat di Tingkat 3, Wisma Persekutuan, Jalan Istana Larut, Taiping dengan 12 orang pegawai dan kakitangan. Sungguhpun jumlah kakitangan cawangan ini agak kecil berbanding dengan cawangan-cawangan lain, Cawangan ini masih mampu mengendalikan kes yang banyak yang sentiasa meningkat dari tahun ke setahun. Ini dapat dibuktikan dengan pertambahan jumlah pengendalian kes iaitu pada tahun 2000 jumlahnya adalah sebanyak 96 kes, 244 kes pada tahun 2005 dan 2657 kes pada tahun 2010. Cawangan ini telah memenangi tempat ketiga Pertandingan Kaunter Terbaik Anjuran Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat pada tahun 1995.

#### **17. Raub**

Ditubuhkan pada 15 Disember 1986. Pada mulanya cawangan ini beroperasi di Bangunan LKNP Raub dengan 4 orang kakitangan sahaja. Kemudian Cawangan ini berpindah pula ke Tingkat 2, Bangunan Tabung Haji, Jalan Dato' Abdullah, Raub. Pada tahun 1998, Cawangan berpindah ke Bangunan Gunasama Persekutuan, Jalan Tengku Abdul Samad, Raub, Pahang sehingga sekarang. Cawangan ini kini mempunyai 12 orang pegawai dan kakitangan. Pertambahan bilangan kakitangan Cawangan ini adalah berikut dengan pertambahan statistik kemasukan kes yang telah meningkat daripada 115 kes pada tahun 2000 kepada 189 kes pada tahun 2005 dan 2403 kes pada tahun 2010.

#### **18. Miri**

Ditubuhkan pada 4 Jun 1991 bertempat di Lot 287, Tingkat 1, Brigthon Centre, Jalan Temenggong Oyong Lawai Jau, Miri dengan 3 orang kakitangan. Pada tahun 1995, Cawangan ini telah berpindah ke Jalan Merpati, Miri. Pada tahun 2000, Cawangan ini sekali lagi telah berpindah ke Lot 97, Tingkat 13, Wisma Yu Lan, Jalan Brooke, Miri. Cawangan ini kini mempunyai 10 orang pegawai dan kakitangan. Jumlah kes yang didaftarkan di Cawangan ini sentiasa meningkat dari tahun ke setahun. Pada tahun 2000 jumlah kemasukan kes adalah sebanyak 185 kes, 334 kes pada tahun 2005 dan 2587 kes pada tahun 2010.

#### **19. Sibu**

Ditubuhkan pada Julai 2002 bertempat di Tingkat 3, Bangunan Lakis/Mahkamah Syariah, Jalan Kampung Nyabor, Sibu dengan 2 orang kakitangan sahaja. Walau bagaimanapun, jumlah kakitangan Cawangan ini sekarang telah bertambah kepada 9 orang. Cawangan ini hanya menerima kemasukan kes yang agak banyak pada tahun 2003 iaitu 111 kes, kemudian bertambah ke 122 kes pada tahun 2005. Pada tahun 2010 jumlahnya adalah sebanyak 1422 kes.

## **20. Langkawi**

Cawangan ini telah ditubuhkan pada 1 Januari 2003 dan mula beroperasi di No. 86, Tingkat 1, Langkawi Mall, Persiaran Bunga Raya, Kuah, Langkawi, Kedah dengan 4 orang kakitangan. Pada 1 Disember 2010, Cawangan ini telah berpindah ke Lot 10B & 11B, Tingkat Bawah, Kompleks Cayman, Pekan Baru Kuah, Langkawi dan masih beroperasi di tempat yang sama sehingga kini dengan 9 orang pegawai dan kakitangan. Cawangan ini hanya menerima kemasukan kes yang agak banyak pada tahun 2004 iaitu 27 kes, kemudian bertambah ke-59 kes pada tahun 2005. Pada tahun 2010 jumlahnya adalah sebanyak 724 kes.

## **21. Gua Musang**

Ditubuhkan pada Januari 2003 dan beralamat di Tingkat 1, Bangunan Tabung Haji, Gua Musang dengan 3 orang kakitangan. Cawangan ini masih beroperasi di tempat yang sama sehingga kini dengan 10 orang pegawai dan kakitangan. Sungguhpun Cawangan ini tidak mempunyai kakitangan yang ramai dan masih baru, namun Cawangan ini masih mampu mengendalikan kes yang banyak yang sentiasa meningkat dari masa ke semasa. Ini dapat dibuktikan dengan pertambahan kes iaitu dari 79 kes pada tahun 2003 telah meningkat kepada 100 kes pada tahun 2007. Sehingga Disember 2010, jumlah kes yang dikendalikan ialah sebanyak 562 kes.

## **22. Wilayah Persekutuan Labuan**

Cawangan ini telah ditubuhkan pada 16 Mac 2003 yang beralamat di Level 9(A), Blok 4, Menara Pejabat Ujana Kewangan, Jalan Merdeka, Wilayah Persekutuan Labuan dengan 3 orang kakitangan sahaja. Cawangan ini masih beroperasi di tempat yang sama sehingga kini dengan 10 orang kakitangan. Statistik kes bagi cawangan ini bermula pada tahun 2003 iaitu sebanyak 61 kes, kemudian bertambah ke 116 kes pada tahun 2005. Seterusnya pada tahun 2010 jumlahnya ialah sebanyak 784 kes. Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan telah mendapat Gred A dalam Audit Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan BHEUU 2006/2007.

DAN PERANCANGAN AKTIVITI  
01-03 DISEMBER 2009  
PNB ILHAM RESORT





## BAB 4

### SEPINTAS LALU PINDAAN AKTA BANTUAN GUAMAN 1971 DAN PERATURAN-PERATURAN

Biro Bantuan Guaman telah ditubuhkan pada September 1970 di bawah Ordinan No. 39 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 dan merupakan satu-satunya jabatan Kerajaan yang berperanan memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman kepada golongan yang tidak berkemampuan. Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] berkuat kuasa mulai 30 April 1971.

Walau bagaimanapun, Jabatan Bantuan Guaman telah melakukan pelbagai pindaan kepada Akta Bantuan Guaman 1971 sejak dengan peningkatan tahap kesedaran masyarakat terhadap perkhidmatan nasihat dan bantuan guaman yang dikendalikan oleh Jabatan ini. Jabatan Bantuan Guaman telah mengambil langkah memperluas bidang kuasa bagi membolehkan lebih ramai orang awam menikmati perkhidmatan Jabatan. Pada 25 Jun 1971, Peguam Negara telah membuat perintah bagi meminda peruntukan sedia ada yang terkandung dalam Akta Bantuan Guaman 1971. Perintah tersebut telah dinamakan sebagai Perintah Bantuan Guaman (Pindaan) 1971 yang memasukkan perbicaraan berhubung dengan nafkah dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dalam Jadual Ketiga. Pindaan juga telah dibuat dalam Jadual Keempat dengan memasukkan kes-kes Sivil di bawah Ordinan Pampasan Pekerja 1952, Ordinan Lalu Lintas 1958 serta perbicaraan cerai dan jagaan.

Pada 22 September 1972, Perintah Bantuan Guaman (Pindaan) 1972 telah dikuatkuasakan yang menambah bidang kuasa dengan memasukkan Hak-hak dan Tanggungan di bawah Akta Penanam Padi (Mengawal Sewa dan Menjamin Pemegangan) 1967. Pada 7 April 1973, Perintah Bantuan Guaman (Pindaan) 1973 telah dikuatkuasakan dengan menambah beberapa bidang kuasa iaitu memasukkan Prosiding Jenayah Rayuan Meringankan Hukuman bagi pesalah yang mengaku bersalah, hak-hak dan tanggungan di bawah Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil 1955 dan hak-hak dan tanggungan di bawah Ordinan Pemberi Pinjam Wang 1951. Pada 1 Mac 1975 melalui Perintah Bantuan Guaman (Pindaan) 1975, dua lagi bidang kuasa sivil telah dimasukkan iaitu hak-hak dan tanggungan mengenai perbicaraan berhubung dengan penyewaan dan hak-hak dan tanggungan di bawah Akta Sewa Beli 1967.

Perintah Bantuan Guaman (Pindaan) 1982 yang telah dikuatkuasakan pada 1 Februari 1982 bertujuan untuk memperluas bidang kuasa BBG dengan memasukkan Ordinan Kanak-Kanak dan Orang Muda 1947 dan perbicaraan jenayah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 dalam Jadual Kedua. Ia melibatkan kes perceraian dan jagaan anak, sewa menyewa, sewa beli, permohonan probet dan surat kuasa mentadbir dan pengangkatan anak.

Pada 20 Januari 1984 Akta Bantuan Guaman 1971 (Pindaan) 1984 telah dikuatkuasakan bagi memansuhkan penubuhan Lembaga Bantuan Guaman. Pemansuhan Lembaga ini disebabkan oleh pertambahan cawangan dan peningkatan bilangan kes yang dikendalikan oleh JBG pada ketika itu. Justeru, atas alasan tersebut, maka peranan Lembaga sudah lagi tidak mampu untuk mengendalikan bilangan yang hadir untuk mendapat bantuan guaman di cawangan-cawangan JBG.

Pada 20 Januari 1984 juga, subseksyen 12(3) Akta Bantuan Guaman 1971 telah dimasukkan dengan memberi kuasa khas kepada Menteri dalam hal keadaan tertentu supaya lebih ramai pelanggan mendapat bantuan guaman bagi kes-kes yang tidak tersenarai dalam Jadual Ketiga Akta Bantuan Guaman 1971. Pada 16 Mei 1986, Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1986 telah dikuatkuasakan dengan menggantikan perkataan "Peguam Negara" dengan perkataan "Menteri". Ini bermakna secara rasminya Jabatan Bantuan Guaman diletakkan di bawah bidang kuasa menteri yang bertanggungjawab selaras dengan penubuhan Kementerian Undang-Undang pada tahun 1985.

Jabatan Bantuan Guaman dari semasa ke semasa sentiasa mengkaji dan menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada orang awam. Oleh yang demikian, pelbagai pindaan telah dibuat kepada Akta Bantuan Guaman 1971 bagi menaikkan had kelayakan mendapat bantuan guaman. Ini merupakan suatu usaha JBG bagi memberi lebih peluang kepada golongan yang kurang berkemampuan selaras dengan taraf hidup yang semakin meningkat. Bermula dengan Akta Bantuan Guaman 1971 (Akta Ibu), seksyen 15 dan 16 telah memperuntukkan had kelayakan mendapat bantuan guaman kepada dua kategori. Bagi kategori pertama, pemohon mestilah memiliki modal boleh guna kurang daripada RM500.00 dan pendapatan boleh guna kurang daripada RM750.00 setahun. Bagi kategori kedua, pemohon mestilah memiliki modal boleh guna melebihi RM500.00 tetapi kurang daripada RM3500.00 dan mempunyai pendapatan boleh guna melebihi RM750.00 tetapi kurang daripada RM3000.00 setahun.



Had kelayakan telah dinaikkan dengan penguatkuasaan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1984. Bagi kategori pertama, pemohon mestilah memiliki modal boleh guna kurang daripada RM1500.00 dan pendapatan boleh guna kurang daripada RM2000.00 setahun. Bagi kategori kedua, pemohon mestilah memiliki modal boleh guna melebihi RM1500.00 tetapi kurang daripada RM8000.00 dan mempunyai pendapatan boleh guna melebihi RM2000.00 tetapi kurang daripada RM7500.00 setahun. Had kelayakan telah dinaikkan lagi dengan penguatkuasaan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 1995 pada 17 Februari 1995. Bagi kategori pertama, pemohon mestilah memiliki modal boleh guna kurang daripada RM2000.00 dan pendapatan boleh guna kurang daripada RM 3000.00 setahun. Bagi kategori kedua, pemohon mestilah memiliki modal boleh guna melebihi RM2000.00 tetapi kurang daripada RM13,000.00 dan mempunyai pendapatan boleh guna melebihi RM3000.00 tetapi kurang daripada RM12,000.00 setahun.

Seterusnya, Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2003 telah dikuatkuasakan pada 15 Julai 2003 bagi menentukan bahawa had kelayakan mendapat bantuan guaman adalah berdasarkan pada jumlah sumber kewangan pemohon. Bagi kategori pertama, pemohon mestilah memiliki sumber kewangan yang tidak melebihi RM25,000.00 setahun. Bagi kategori kedua, pemohon hendaklah memiliki sumber kewangan yang melebihi RM25,000.00 setahun tetapi tidak melebihi RM30,000.00 setahun. Berdasarkan Arahan Pengarah Biro Bantuan Guaman Bil. 1/89 bertarikh 2 Disember 1989, bayaran RM1 hendaklah dikenakan bagi khidmat nasihat guaman. Walau bagaimanapun, Akta Bantuan Guaman 1971 (Pindaan) 1995 telah dipinda dengan memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 16B berkenaan dengan bayaran pendaftaran sebanyak RM2.00.

# BAB 5

## LAWATAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN ANTARABANGSA

Siri lawatan kajian dan penyelidikan antarabangsa telah mula dilaksanakan pada tahun 2000 hasil cetusan idea daripada Pengarah Jabatan Bantuan Guaman pada ketika itu iaitu Puan Faridah binti Ibrahim. Misi utama lawatan kajian dan penyelidikan ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai JBG tentang sistem perundangan dan kaedah pentadbiran bantuan guaman yang digunakan oleh negara luar agar ia dapat diaplikasikan di Malaysia. Lawatan kajian dan penyelidikan ini amat penting untuk menambahbaik perkhidmatan dan pentadbiran JBG.

### **Hong Kong Special Administration Region (2000)**

Lawatan kajian dan penyelidikan ke Hong Kong SAR adalah pelopor siri-siri lawatan yang dilaksanakan oleh JBG dari masa ke semasa. Lawatan ini telah diadakan pada 12 hingga 15 November 2000 dan disertai oleh 6 orang pegawai JBG. Institusi-institusi yang dilawati oleh pegawai JBG ialah Jabatan Bantuan Guaman Hong Kong, Mahkamah Keluarga dan "Duty Lawyer Services". Lawatan ini telah meningkatkan lagi pengetahuan pegawai-pegawai dalam usaha untuk memperbaiki sistem perkhidmatan dan pentadbiran JBG. Pada Mac 2001, Unit Pengurusan Maklumat telah ditubuhkan ekoran dari arus kemodenan yang semakin berkembang. Sistem pengurusan maklumat ini telahpun digunakan di Hong Kong SAR, oleh itu pengalaman dan kajian yang dilakukan oleh pegawai JBG amat penting bagi memastikan sistem ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

### **Filipina (2000)**

Pada tarikh yang sama iaitu pada 12 hingga 15 November 2000, lawatan kajian dan penyelidikan ke Filipina telah diadakan dan disertai oleh 7 orang pegawai JBG. Bagi memantapkan lagi kajian dan pemahaman pegawai JBG, mereka telah dibawa melawat "Integrated Bar of the Philipines", "Public Defenders Office" dan Mahkamah. Di samping menjalankan kerjasama dan mengeratkan silaturahim di antara 2 negara, lawatan ini telah berjaya menambahbaik perkhidmatan JBG terutamanya di dalam menyelesaikan kes-kes jenayah. Kajian yang dilakukan oleh pegawai JBG terutamanya ketika melawat "Public Defenders Office" di Filipina dapat dikongsi bersama pegawai-pegawai lain bagi memantapkan lagi hujah dan meningkatkan lagi keyakinan pegawai dalam pengendalian kes jenayah.

LAWATAN KAJIAN DAN  
PENYELIDIKAN UNDANG-  
UNDANG KE INTEGRATED BAR  
OF THE PHILIPPINES



HONG KONG SPECIAL ADMINISTRATION REGION

## LAWATAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN UNDANG-UNDANG KE LEGAL AID DEPARTMENT OF AUSTRALIA



### **Indonesia (2003)**

Pada 3 hingga 8 Ogos 2003, lawatan kajian dan penyelidikan ke Indonesia telah dilaksanakan dan disertai oleh 15 orang pegawai JBG. Institusi-institusi yang dilawati oleh pegawai JBG ialah Lembaga Bantuan Hukum, Pusat Peradaban Umum & Pengadilan Agama (Mahkamah) dan Department Kehakiman & Hak Asasi Manusia Indonesia. Misi utama lawatan ini adalah untuk mengkaji sistem pengantaraan yang diguna pakai di Indonesia untuk diperaktikkan oleh JBG kerana pada ketika ini JBG sedang berusaha untuk memperbaiki kaedah pengantaraan dan menambahkan pengetahuan pegawai JBG dalam usaha untuk mewujudkan Bahagian Pengantaraan di JBG.

### **Australia (2004)**

Bagi memantapkan lagi perkhidmatan Bahagian Pengantaraan di JBG dan meningkatkan perkhidmatan bantuan guaman sedia ada, lawatan kajian dan penyelidikan ke Australia telah dilaksanakan pada 16 hingga 20 Disember 2004 dengan disertai oleh 10 orang pegawai JBG. Lawatan ini telah memberikan pengalaman dan pengetahuan yang amat bermakna kepada pegawai-pegawai JBG terutamanya kepada Bahagian Pengantaraan apabila ia telah berjaya menyelesaikan banyak kes khususnya kes keluarga tanpa melalui proses mahkamah.

### **Brunei Darussalam (2000)**

Pada penghujung tahun 2000 iaitu pada 21 hingga 24 November 2000, lawatan ke Brunei Darussalam telah diadakan dan disertai oleh 8 orang Pegawai Syariah JBG. Pegawai-pegawai JBG telah mengadakan lawatan ke Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah di Brunei untuk melihat kaedah perundangan di negara tersebut terutamanya dari aspek pentadbiran Syariah. Pengalaman dan penyelidikan mereka telah dikongsi bersama-sama pegawai lain yang tidak mengikuti lawatan ini dan digunakan bagi memperbaiki mutu perkhidmatan sivil dan Syariah di JBG. Selain itu, lawatan ini juga telah berjaya mengeratkan silaturahim kedua-dua buah negara dan pada tahun 2010, JBG telah menerima kunjungan balas daripada YB/YAA Ketua Hakim Syarie Negara Brunei Darussalam.

### **Singapura (2001)**

Lawatan kajian dan penyelidikan ke Singapura telah diadakan pada 26 hingga 29 September 2001 dan disertai oleh 18 orang pegawai JBG. Pegawai-pegawai JBG telah dibawa melawat Pusat Pengantaraan Masyarakat (CMC), Kementerian Undang-Undang, Persatuan Undang-Undang dan Biro Bantuan Guaman Singapura. Lawatan ini telah mencetuskan idea kepada JBG untuk mengaplikasikan pengantaraan dalam menyelesaikan kes-kes JBG khususnya kes kekeluargaan. Lawatan ini juga telah berjaya memberi hala tuju kepada pegawai JBG dalam usaha untuk memantapkan pentadbiran Bahagian Peguam Panel yang secara rasminya telah terbentuk pada tahun tersebut.

### **Hong Kong Special Administration Region (2005)**

Dengan matlamat untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat, lawatan kajian dan penyelidikan ke Hong Kong SAR iaitu ke "Legal Aid Commission" diadakan buat kali kedua pada 21 hingga 25 November 2005 dengan disertai oleh 10 orang pegawai JBG. Ia adalah susulan daripada lawatan pada tahun 2000 yang berjaya membawa pembaharuan dalam sistem pentadbiran dan perkhidmatan JBG. Ekoran daripada lawatan ke Hong Kong SAR ini, perkhidmatan Bahagian Peguam Panel telah berjaya ditambah baik dari segi pelantikan, pembayaran peguam panel dan pengurusan kes. Pegawai JBG telah membuat kajian dan penyelidikan perbandingan antara perkhidmatan bantuan guaman di JBG dengan Hong Kong SAR dan ternyata banyak kelemahan yang dapat diperbaiki oleh JBG terutamanya dalam pentadbiran pengurusan maklumat dan perkhidmatan pengendalian kes-kes jenayah.

#### **Indonesia (2006)**

Demi untuk meningkatkan keutuhan perkhidmatan JBG dalam merealisasikan sistem penyampaian yang menepati tuntutan semasa dan masyarakat, lawatan kajian dan penyelidikan ke Indonesia telah diadakan buat kali kedua pada 7 hingga 11 November 2006 dengan disertai oleh 13 orang pegawai JBG. Lawatan ini khasnya telah membawa pegawai JBG mengkaji bantuan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Yayasan Lembaga Bantuan Hukum Indonesia (YLBHI). Lawatan ini telah memberikan ruang idea kepada JBG dalam usaha untuk mengembangkan jaringan kerja, meluaskan pendidikan dan sumber undang-undang serta memberikan idea dalam penyelidikan dan kajian pembaharuan undang-undang untuk kebaikan masyarakat.

#### **London (2009)**

Lawatan kajian dan penyelidikan ke Legal Services Commission England and Wales (LSC) di London telah diadakan pada 26 hingga 30 Oktober 2009. Lawatan ini hanya disertai oleh 2 orang pegawai yang telah dibawa melawat ke Mahkamah Jenayah Old Bailey, London dan Crown Court di Swansea, Wales. Lawatan ini bertujuan untuk membuat kajian perbandingan mengenai skim bantuan guaman yang disediakan oleh LSC dan JBG khususnya dalam perkhidmatan pembelaan jenayah. Ternyata, walaupun JBG telah berjaya membantu menyelesaikan banyak kes jenayah namun bidang kuasa JBG masih terhad jika dibandingkan dengan LSC. Begitu juga dalam pengendalian kes kekeluargaan sivil yang bidang kuasa dalam kes ini boleh diperluas dan diperkembangkan untuk kebaikan masyarakat di Malaysia.

#### **Mesir (2009)**


Pada 9 hingga 13 November 2009, lawatan kajian dan penyelidikan ke Mesir yang disertai oleh 2 orang pegawai JBG telah dilaksanakan. Pegawai JBG telah dibawa melawat ke Pejabat Mufti Besar Mesir, Pejabat Penyelesaian Pertikaian Keluarga dan Pusat Latihan Kehakiman Mesir (The National Center For Judicial Studies-NCJS) dan Suruhanjaya Kerjasama Kebangsaan Bagi Permasalahan Penjagaan Kanak-Kanak Dalam Perkahwinan Campur. Ia bertujuan untuk membuat kajian mengenai keberkesanan perundangan Syariah di negara tersebut untuk diaplikasikan ke dalam sistem perkhidmatan bantuan guaman Syariah yang disediakan oleh JBG. Kajian ini meliputi prasarana pembangunan undang-undang kekeluargaan melalui Mahkamah Keluarga dan juga sistem pengantaraan yang turut diamalkan oleh mereka. Hasil kajian tersebut mendapati bahawa sistem perundangan kekeluargaan Islam di Mesir tidak jauh berbeza dengan sistem perundangan kekeluargaan Islam di Malaysia. Namun begitu, masih terdapat kebaikan yang boleh diaplikasikan oleh JBG dalam lawatan kajian ini iaitu menambah baik bantuan kepada ibu tunggal yang diabaikan atau dinafikan hak nafkah setelah mendapat perintah mahkamah dan merangka struktur untuk kemudahan bantuan tersebut agar hak mereka ini tidak diabaikan.



## LAWATAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN KE LONDON<sup>16</sup>



## LAWATAN KAJIAN DAN PENYELIDIKAN KE MESIR<sup>16</sup>





## BAB 6

# ERA KECEMERLANGAN

1994

JBG mendapat tempat kedua dalam pertandingan kaunter sempena Anugerah Kualiti Kementerian Undang-Undang Malaysia.

2000

JBG Cawangan Johor memenangi Pertandingan Pejabat Cawangan Terbaik Anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang pada tahun 2000.

2002

- Jabatan Bantuan Guaman berjaya memperoleh Pensijilan MS ISO 9002:1994 dalam aktiviti "Memberi Khidmat Bantuan Guaman" pada 7 Mei 2002.

- Jabatan Bantuan Guaman Cawangan Muar memenangi Anugerah Pertandingan Pejabat Terbaik anjuran Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang.

2005

JBG dengan kerjasama Majlis Peguam Malaysia telah berjaya menganjurkan "International Legal Aid Conference" pada 1 - 4 Disember 2005 di Hotel Legend, Kuala Lumpur yang disertai oleh seramai 250 orang peserta dari Negara ASEAN termasuk Malaysia.

2006

Jabatan Bantuan Guaman telah berjaya memperoleh Sijil Perkhidmatan Cemerlang bagi Prestasi Cemerlang Dalam Pengurusan Tahun 2006 di peringkat Jabatan Perdana Menteri.

2008

Mendapat Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2004, Jabatan Audit Negara Malaysia.



# BAB 7

## AKTIVITI PROMOSI DAN KERJASAMA DENGAN AGENSI-AGENSI LAIN

Objektif utama program promosi adalah untuk memperkenalkan perkhidmatan JBG kepada seluruh rakyat Malaysia. Strategi promosi JBG kebanyakannya bertumpu kepada penduduk di kawasan pedalaman dan kawasan perumahan berpendapatan rendah tanpa melibatkan kos yang tinggi. Program promosi yang tidak memerlukan perbelanjaan ini dapat dilakukan apabila JBG turut serta bersama program jabatan lain semasa "hari bersama pelanggan" mahupun dengan mengadakan program tersebut di lokasi yang tidak memerlukan bayaran penyewaan seperti di bangunan pejabat Kerajaan, mahkamah, penjara atau dewan masyarakat. Aktiviti promosi ini telah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai JBG sejak dari awal penubuhannya dan berterusan sehingga sekarang. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

### **Penampalan Poster JBG**

Penampalan poster-poster JBG telah dibuat di jabatan Kerajaan, Pejabat Penghulu, tempat-tempat ibadat, balai-balai raya dan di tempat-tempat awam. Bagi maksud ini, poster-poster telah dicetak oleh Ibu Pejabat dan diedarkan ke seluruh cawangan JBG.



### **Taklimat Di Jabatan-Jabatan Kerajaan Lain**

Jabatan Bantuan Guaman telah dijemput untuk memberikan taklimat mengenai peranan dan tugas JBG di jabatan-jabatan Kerajaan seperti di Mahkamah Syariah, balai-balai raya dan di program-program yang dianjurkan oleh jabatan Kerajaan yang lain. Semasa program dijalankan, pegawai-pegawai JBG juga mengedarkan risalah-risalah terbitan JBG yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai bentuk-bentuk bantuan dan khidmat yang diberikan oleh JBG.

### **Klinik Guaman**

JBG telah mengadakan klinik-klinik guaman dengan kerjasama pertubuhan bukan Kerajaan dan persatuan-persatuan kebajikan. Program ini diadakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan bagi setiap cawangan. Dalam program ini, pegawai-pegawai JBG cawangan membuka kaunter yang membolehkan orang ramai mendapatkan nasihat guaman dan memberi bantuan guaman kepada orang ramai yang layak untuk mendapat bantuan. Selain memberi nasihat dan bantuan guaman, sesi ceramah juga diadakan dan disampaikan oleh pegawai-pegawai JBG.

### **Program Sehari Bersama Pelanggan**

Program sehari bersama pelanggan diadakan untuk memudahkan pelanggan mengajukan pertanyaan mengenai status kes yang dikendalikan oleh JBG dan mengenali fungsi JBG dengan lebih mendalam. Program ini diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap 6 bulan.

### **Hebahan Media Massa**

Hebahan melalui media massa digunakan terutama untuk memaklumkan tarikh JBG mengadakan klinik guaman. Hebahan ini juga membantu untuk memperkenalkan JBG kepada seluruh lapisan masyarakat. Hebahan dibuat di radio-radio dengan kerjasama RTM.



### **Program JBG Bersama Banduan**

Program ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Penjara. Dalam program ini, JBG akan memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman kepada banduan-banduan yang layak terutamanya bagi kes-kes banduan yang ingin mengaku salah. Program ini dilakukan secara berkala oleh cawangan-cawangan JBG. Keberkesanan aktiviti-aktiviti promosi yang dibuat oleh JBG ini dapat dilihat melalui peningkatan statistik tahunan kes di setiap cawangan JBG.

### **Program Praktikal Pelajar Institut Pengajian Tinggi Di Jabatan Bantuan Guaman**

Program praktikal pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Jabatan Bantuan Guaman (JBG) telah mula dilaksanakan semenjak tahun 90an lagi. Ia selaras dengan pemantapan perkhidmatan JBG yang menjangkau usia tiga dekad pada ketika itu dan juga salah satu usaha dan kerjasama JBG untuk membantu pelajar-pelajar ini melengkapkan pengajian mereka agar mereka berjaya menggenggam segulung ijazah.

Walaupun JBG merupakan sebuah jabatan yang memberikan perkhidmatan dalam bidang perundangan dan keutamaan diberikan kepada pelajar jurusan undang-undang, pelajar-pelajar IPT yang pernah menjalani program praktikal di JBG terdiri daripada pelajar daripada pelbagai bidang dan jurusan seperti bidang Sains Komputer, Pengurusan Kerja Sosial, Sains Pembangunan Manusia, Pemasaran Antarabangsa, Pembangunan Manusia dan Kaunseling Organisasi. Pelajar daripada jurusan undang-undang pula ialah pelajar Pengajian Syariah, Undang-Undang Acara (Sivil/Mal), Syariah dan Kehakiman, Jurispudens dan Pentadbiran Kehakiman dan Guaman Islam.

Antara Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pernah terlibat dalam program praktikal di JBG ini ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS). Pelajar institusi lain yang pernah menjalani program praktikal di JBG antaranya ialah Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Kolej Teknologi Antarabangsa Cybernetics, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Straits Academy of Logistics, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kolej IKIP Kuantan, Akademi Pengajian Islam, Kerjasama IKIP-UM, Kolej Dar Al-Hikmah Kajang dan Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam Kelantan.

Pelajar-Pelajar program praktikal ini tidak hanya menjalani latihan di Ibu Pejabat JBG malah turut ditempatkan di cawangan-cawangan utama JBG di seluruh negara. Pelajar-pelajar ini diberikan kemudahan untuk menjalani program ini di negeri pilihan mereka agar mereka lebih selesa dan dapat menjalani program praktikal ini dengan jayanya.

Pelajar daripada jurusan undang-undang akan ditempatkan sama ada di Bahagian Syariah atau Bahagian Sivil yang terdiri daripada Peguam Panel, Litigasi dan Nasihat atau Pengantaraan. Mereka ini akan dibekalkan dengan pengalaman penyediaan pliding, pengurusan kes dan menghadiri perbicaraan. Bagi pelajar daripada jurusan lain, mereka ini akan ditempatkan di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran untuk mempelajari kaedah pengurusan pentadbiran, sumber manusia, kewangan atau sistem maklumat. Selain mengikuti latihan yang berkaitan dengan jurusan yang dipelajari oleh mereka, pelajar-pelajar ini juga dapat menimba pengalaman dan mempelajari kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, kerja berpasukan dan meningkatkan keyakinan diri yang amat penting sekiranya mereka memasuki alam pekerjaan kelak. JBG amat berbangga kerana dapat memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pelajar-pelajar program praktikal ini kerana mereka merupakan aset negara yang amat bernilai untuk menjana ekonomi dan memastabatkan maruah negara pada masa hadapan.

## **Program Kerjasama Jabatan Bantuan Guaman Dengan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia**

Program kerjasama Jabatan Bantuan Guaman dengan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bermula dari awal penubuhan BSK oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada Oktober 2008. Jabatan Bantuan Guaman dan BSK menjalin hubungan kerjasama dalam prosiding penguatkuasaan perintah naikah di mahkamah-mahkamah dengan pihak BSK menyediakan maklumat berkaitan dengan Defendan dan JBG bertindak sebagai peguam yang mengendalikan kes di mahkamah.

## **Penglibatan Jabatan Bantuan Guaman dalam merangka Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Area-NKRA)**

Jabatan Bantuan Guaman terlibat dalam merangka Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Result Area-NKRA) bermula dengan perlantikan Pengarah Litigasi dan Nasihat (Sivil) Encik Shahroni bin Sanusi sebagai salah seorang anggota “think-tank Group” program NKRA yang telah dijalankan secara sepenuh masa di Palm Garden Hotel, IOI Resort, Putrajaya selama 30 hari bermula dari 5 Oktober 2009 sehingga 13 November 2009. Program tersebut berujuan merangka metodologi dan mekanisme untuk memerangi gejala rasuah negara.

## **Program Kerjasama Jabatan Bantuan Guaman Dengan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia**

Program Kerjasama Jabatan Bantuan Guaman dengan Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia bermula dengan satu mesyuarat yang diadakan pada 12 Ogos 2010 di Bilik Mesyuarat Utama TPM, Putrajaya di antara wakil TPM yang terdiri daripada Timbalan Pengerusi TPM dan tujuh orang wakil JBG yang terdiri daripada Pengarah Bahagian Litigasi dan Nasihat (Sivil), Pengarah JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pengarah JBG Selangor, Pengarah JBG Negeri Sembilan dan dua orang Pembantu Undang-Undang JBG Ibu Pejabat dan seorang Pembantu Undang-Undang JBG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil daripada mesyuarat tersebut TPM bersetuju mewujudkan kerjasama yang erat antara JBG dan TPM dari segi memberi maklumat yang betul dan tepat kepada masyarakat berhubung dengan fungsi dan bidang kuasa JBG dan TPM di seluruh negara.



“Mahkamah yang ada di negara ini telah dibekali dengan undang-undang di semua kehidupan rakyatnya. Tiap-tiap mahkamah mempunyai bidang-bidang kuasa yang tertentu dan had batasnya yang diberikan. Undang-undang melindungi semua perjalanan hidup kita. Dengan undang-undanglah kita dapat hidup bebas dari sebarang gangguan, penjenayahana serta mendapat jaminan hidup yang aman di negara kita”

Petikan daripada Mingguan Bumi, 2 Oktober 1982



# **Wawancara Khas Bersama Mantan Ketua Pengarah JBG, Puan Faridah binti Ibrahim**

Puan Faridah binti Ibrahim telah dilahirkan pada 29 Disember 1950 di Pulau Pinang. Beliau mula berkhidmat di Jabatan Bantuan Guaman pada 1 Oktober 1997 sebagai Pengarah dan kemudiannya jawatan tersebut ditukarkan kepada Ketua Pengarah. Beliau juga merupakan Ketua Pengarah yang paling lama berkhidmat di Jabatan Bantuan Guaman iaitu selama 9 tahun. Banyak ilmu dan pengalaman yang boleh dikongsi bersama untuk panduan generasi JBG yang baru. Yang berikut ialah wawancara dengan Puan Faridah binti Ibrahim.



Puan Faridah binti Ibrahim  
Mantan Ketua Pengarah JBG

**Puan merupakan antara Ketua Pengarah yang paling lama berkhidmat bersama Jabatan Bantuan Guaman. Apakah yang menarik minat dan perhatian puan untuk terus menerajui JBG sehingga puan bersara daripada perkhidmatan awam?**

Sememangnya saya amat meminati bidang perundangan dan kehakiman dan ingin sekali berkhidmat dalam bidang ini sejak mula-mula saya menyertai perkhidmatan awam. Saya masih ingat lagi sewaktu ditemu duga oleh Yang Berbahagia Dato' Abdul Aziz bin Mohammad yang merupakan Peguam Cara Negara di Jabatan Peguam Negara ketika itu agar menempatkan saya di BBG. Saya sangat tertarik untuk berkhidmat di BBG kerana saya bukan sahaja sangat berminat dengan bidang ini tetapi juga saya ingin membantu mereka-mereka yang kurang berkemampuan agar nasib mereka terbaik dan mendapat keadilan di sisi undang-undang. Bagi saya, BBG adalah jabatan yang paling tepat untuk saya merealisasikan impian saya bukan sahaja menghulurkan bantuan kepada mereka yang amat memerlukan tetapi juga sebagai suatu amal jariah.

Saya berpeluang untuk mengendalikan pelbagai jenis kes di BBG seperti kes kekeluargaan. Saya tidak mahu golongan masyarakat yang kurang berkemampuan dan kurang ilmu pengetahuan tentang sistem perundangan tertindas dan tidak mendapat pembelaan sewajarnya terutama sekali bagi wanita-wanita yang telah diceraikan suami. Saya juga percaya bahawa peluang yang saya dapat untuk berkhidmat di BBG dapat saya gunakan dengan sebaik mungkin bagi menghulurkan bantuan kepada mereka yang sangat memerlukan.

**Apakah pengalaman yang paling tidak dapat dilupakan sepanjang puan bersama JBG?**

Sepanjang berkhidmat dalam BBG, memang banyak pengalaman dan peristiwa yang tidak dapat saya lupakan. Ada pelbagai kisah suka dan duka yang telah saya alami dan tempuh sepanjang berada di BBG. Antara pelbagai kes yang pernah saya kendalikan, terdapat satu kes yang masih saya ingat sehingga kini. Seorang pemohon berbangsa Cina yang merupakan seorang pemandu lori telah datang untuk memohon bantuan guaman di BBG kerana beliau telah diberhentikan kerja tanpa notis oleh majikan. Saya sangat bersimpati dengan beliau dan menerima permohonannya sebagai Plaintiff BBG. Saya telah menang dalam kes tersebut dan pemohon itu telah mendapat pampasan daripada pihak majikan. Tidak berapa lama kemudian, beliau datang semula ke BBG dengan kes yang serupa tetapi berlainan majikan. Tiba-tiba saya terfikir bahawa pemohon ini seorang penipu dan cuba menggunakan alasan beliau diberhentikan kerja tanpa notis sebagai 'Modus Operandi' untuk beliau mendapat wang pampasan. Walaupun saya rasa tertipu kerana telah berjaya pada kes beliau yang pertama tetapi saya berpuas hati kerana tidak tertipu untuk kali kedua. Itulah antara kes yang tidak dapat saya lupakan sepanjang saya berkhidmat di BBG.

**Kami dimaklumkan bahawa puan merupakan pencetus kepada kewujudan unit pengantaraan di JBG. Apakah kepentingan unit ini diwujudkan dan keberkesanannya kepada kes-kes yang dikendalikan di JBG?**

Bermula sekitar awal tahun 2000, BBG telah terlibat dengan banyak lawatan antarabangsa. Contohnya lawatan kajian ke Suruhanjaya Bantuan Guaman Australia Barat, Legal Aid Department, Hong Kong, Singapura, Indonesia, Filipina dan juga Brunei Darussalam. Lawatan kajian ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan pegawai dan kakitangan BBG dengan sistem pentadbiran negara luar. Saya tidak mahu mereka membuat kerja hanya berdasarkan sistem sedia ada yang telah menjadi amalan sejak sekian lama. Kita perlu sentiasa mencari sesuatu yang baru untuk mencipta kejayaan. Setelah pulang daripada lawatan kajian tersebut, saya memikirkan bahawa unit mediasi perlu diwujudkan di BBG. Berdasarkan lawatan kajian tersebut, unit mediasi dilihat mampu untuk meningkatkan kadar penyelesaian kes di luar mahkamah.

Memandangkan lebih kurang 70% hingga 80% kes yang didaftarkan di BBG ialah kes kekeluargaan, maka amatlah sesuai unit pengantaraan diwujudkan di BBG. Pelbagai faedah dapat diperoleh menerusi unit ini apabila sesetengah kes tidak perlu dibawa ke mahkamah sekiranya pihak-pihak yang bertikai boleh didamaikan menerusi sesi pengantaraan yang dijalankan. Sistem pengantaraan juga mempunyai tahap kerahsiaan yang sangat tinggi, hanya melibatkan seorang pengantara dan pihak-pihak yang bertikai sahaja berbanding dengan keadaan di mahkamah yang lebih terbuka kepada orang awam. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa tidak ada ruginya jika BBG mengamalkan dan mengaplikasikan sistem pengantaraan kerana pengantaraan telahpun menjadi amalan negara-negara lain seperti di Hong Kong, Singapura, Australia dan Indonesia.

Pada awal perancangan untuk menubuhkan unit pengantaraan di BBG, pelbagai kritikan dan maklum balas negatif telah saya terima daripada pegawai dan kakitangan yang telah lama berkhidmat di BBG. Mereka telah selesa dengan sistem sedia ada di mana semua kes yang dirujuk di BBG akan difaikkan untuk dibawa ke mahkamah. Mereka tidak bersedia untuk menerima sebarang perubahan walaupun ia menjurus ke arah kebaikan.

Walau bagaimanapun, segala halangan dan rintangan saya harungi jua demi untuk mewujudkan unit pengantaraan di BBG. Pelbagai persiapan dan persediaan dilakukan bagi memastikan usaha ini berjaya. Pelbagai kursus dan latihan mengenai pengantaraan telah diadakan kepada pegawai-pegawai BBG bermula pada tahun 2005. Saya berasa bangga dan sangat gembira kerana cadangan dan usaha untuk mewujudkan unit pengantaraan di BBG akhirnya diluluskan dan dipersetujui oleh semua pihak.

**Sebagai Ketua Pengarah yang paling lama berkhidmat iaitu hampir sepuluh tahun bersama JBG, puan telah banyak menyumbang kepada tercetusnya berbagai-bagai cadangan dan idea bagi penambahbaikan yang seterusnya mencipta kepada pelbagai kejayaan jabatan. Apakah prinsip dan falsafah yang menjadi pegangan puan selama menjadi pucuk kepimpinan di JBG?**

Sejak saya mula berkhidmat sebagai penjawat awam, saya sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa ilmu itu pelita hidup. Tanpa ilmu, tidak mungkin seseorang itu dapat mencipta pelbagai kejayaan. Tanpa ilmu juga, tidak mungkin sesebuah negara itu mampu mencapai sebuah negara maju. Tidak kira walau sekecil manapun ilmu itu, ia perlu dihargai dan diperaktikkan dalam kehidupan kita. Sebagai manusia, kita juga tidak boleh segan untuk menimba ilmu. Begitu juga dalam perkhidmatan awam, tidak kira pangkat dan kedudukan, setiap penjawat awam perlu sentiasa meningkatkan dan mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan. Ilmu sangat penting bagi melahirkan penjawat awam yang berkualiti.

Selain itu, saya juga sentiasa berpesan kepada diri saya bahawa kita perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan jujur, ikhlas dan penuh dedikasi. Kita perlu sentiasa bersedia menerima pelbagai kerentahan dan ragam orang ramai yang bermacam-macam. Saya sentiasa bersedia menghadapi segala cabaran dan rintangan yang datang kerana saya yakin pada kebenaran.

Saya ingin berkongsi juga tentang satu prinsip yang saya pegang apabila saya menceburkan diri dalam bidang kehakiman dan perundangan ini iaitu saya tidak takut pada kegagalan. Ini kerana memang telah menjadi lumrah alam bahawa apabila suatu kes dibawa ke mahkamah pasti satu pihak akan menang dan satu pihak lagi akan kalah atau lebih dikenali sebagai "adversarial system". Sekali gagal tidak bermakna kita gagal selama-lamanya dan ia bukanlah suatu penamat.

#### **Apakah harapan dan impian puan terhadap JBG pada masa akan datang?**

Saya sentiasa berdoa dan berharap agar BBG akan sentiasa menjadi buah mulut orang suatu hari nanti bukan di sudut negatif tetapi di sudut positif dan kebaikan BBG dalam memainkan peranan memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman. Saya juga berharap agar BBG akan sentiasa memberi layanan dan perkhidmatan yang berkualiti kepada para pelanggan agar mereka berpuas hati dan gembira dengan perkhidmatan yang diterima.


Nasihat saya kepada semua warga Biro Bantuan Guaman agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berintegriti. Orang awam pada masa ini telah mula sedar dan mempunyai banyak pengetahuan tentang sistem perundangan negara. Oleh itu, kita perlu sentiasa bersiap sedia bagi memastikan kita dapat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada mereka. Semua warga BBG perlu saling berganding bahu dan bekerjasama untuk terus meningkatkan prestasi jabatan agar menjadi sebuah jabatan yang berprestij tinggi suatu hari nanti.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga BBG kerana sudi menemuramah saya. Saya berharap segala pengalaman dan nasihat yang saya berikan sedikit sebanyak dapat dikongsi bersama untuk menjadi bimbingan dan panduan kepada kalian semua. Terima kasih.

# **Wawancara Khas Bersama Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara**

**YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali  
bin Haji Abdul Rahman**

YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman telah dilahirkan pada 31 Disember 1938 di Pendang, Kedah. Beliau merupakan pencetus kepada wujudnya penempatan pegawai Syariah di BBG. Beliau kini berkhidmat sebagai Penasihat Perundangan Syariah di Jabatan Peguam Negara. Beliau juga merupakan salah seorang Panel Hakim Mahkamah Rayuan, Mahkamah Syariah Negeri-Negeri, penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah bagi tahun 1416H/1995 Wilayah Persekutuan dan Anugerah Penghargaan Maal Hijrah Tahun 2007.



*YBhg. Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman  
Penasihat Perundangan Syariah,  
Jabatan Peguam Negara*



Bolehkah YBhg. Tan Sri jelaskan sejarah awal perwujudan jawatan Pegawai Syariah di Biro Bantuan Guaman (BBG) yang kini dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan bagaimanakah tercetusnya idea sedemikian?

Sebenarnya hasrat itu telah bermula sejak dari peringkat awal kehadiran peguam-peguam BBG di Mahkamah Syariah pada tahun penubuhan BBG iaitu 1971. Ketika itu peguam yang mengendalikan kes-kes BBG di Mahkamah Syariah terdiri daripada pegawai daripada Jabatan Peguam Negara seperti YBhg. Tun Abdul Hamid bin Mohamad dengan dibantu oleh pembantu undang-undang yang ditempatkan di cawangan-cawangan BBG. Pemerhatian mendapati, mereka yang mengendalikan kes-kes yang melibatkan Undang-Undang Keluarga Islam dan mengikut peraturan perbicaraan Mahkamah Syariah. Terdapat peruntukan dalam Enakmen Undang-Undang Islam ketika itu, sekiranya terdapat lakuna dalam undang-undang, maka rujukan hendaklah dilakukan kepada hukum Syarak. Pegawai-Pegawai Sivil BBG ketika itu, kemahiran mereka terbatas kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan tatacara sahaja tetapi lemah dari segi pengetahuan berkaitan dengan hukum Syarak dan ini menjadikan perbicaraan tidak lancar. Hujahan kes pula terhad kepada sekadar kemampuan mereka sahaja kerana ketidakmampuan merujuk nas-nas atau kitab-kitab fiqh.

Pada era 1980-an, dengan kelahiran Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam yang baru dan juga Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam mula dikuatkuasakan di Negeri-Negeri, maka ketika itu mulalah peguam-peguam sivil memohon untuk diterima masuk sebagai peguam syarie dan seterusnya mengendalikan kes-kes di Mahkamah Syariah. Masalahnya ketika itu kebanyakan peguam BBG terdiri daripada pembantu undang-undang. Bila keadaan sedemikian, pembantu undang-undang terpaksa menghadapi peguam swasta yang jauh berpengalaman dan mereka menghadapi lawan yang dianggap tidak setanding.

Saya juga melihat dari segi status jika dibandingkan dengan mahkamah sivil, hanya peguam kanan sahaja yang layak mengendalikan kes di mahkamah tinggi sivil, maka semakin jelas Pegawai Syariah perlu ditempatkan di BBG. Ia selaras dengan kewujudan skim Pegawai Syariah di mahkamah-mahkamah Syariah pada tahun 1985 bergred L. Oleh sebab itu, untuk meningkatkan mutu perbicaraan dan juga kepeguanan, dicadangkan supaya Pegawai Syariah dengan skim L ditempatkan di BBG dengan mempunyai kelayakan yang sama dengan Pegawai Syariah di Mahkamah Syariah.

Apakah hasrat sebenarnya Kerajaan atau pihak Mahkamah Syariah semasa bersetuju meletakkan Pegawai Syariah di BBG dan bukan di jabatan yang lain?

Hasrat Kerajaan adalah untuk memartabatkan perundangan Syariah dan melahirkan pegawai-pegawai Syariah yang berwibawa dan berketerampilan. Kerajaan telah menyediakan suatu kursus wajib sebelum seseorang dilantik sebagai Pegawai Syariah iaitu Diploma Pentadbiran Kehakiman dan Perundangan Islam (DAIJ) di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) supaya mereka mahir tentang prosedur di Mahkamah Syariah.

Perkara ini telah dibawa dan dibincangkan semasa Persidangan Kadi-Kadi Besar Seluruh Malaysia pada tahun 1989 dan keputusan yang telah dicapai dalam Persidangan ini telah dibawa ke Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) kali ke 35 pada tahun 1991. Berdasarkan pandangan Kadi-Kadi Besar, MKI telah bersetuju menempatkan pegawai-pegawai Syariah di BBG. Pihak BBG, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil tindakan sewajarnya, dengan penempatan awal di BBG telah dilakukan pada bulan Jun 1994.

Cetusan ini hasil daripada hasrat Mahkamah-Mahkamah Syariah ketika itu supaya Peguam Syarie yang berwibawa di BBG dapat membantu pihak-pihak yang kurang berkemampuan mendapat keadilan sewajarnya di Mahkamah Syariah.

Bagaimanakah YBhg. Tan Sri terlibat secara langsung dengan perwujudan skim Pegawai Syariah ini dan siapakah yang memainkan peranan penting di sebalik perwujudan ini ?

Perkara ini melibatkan kesedaran saya untuk memartabatkan perundangan Syariah. Pengalaman mengendalikan perbicaraan menunjukkan pegawai-pegawai sivil yang mengendalikan kes-kes Syariah kurang berpengetahuan berkaitan dengan undang-undang Syariah walaupun mungkin cekap dari segi prosedur. Menteri yang bertanggungjawab ketika itu, (YB Datuk Abdul Hamid bin Othman) juga telah memberikan kerjasama yang sewajarnya. Pada tahun 1985, skim Pegawai Syariah juga telah wujud dan hakim-hakim pula telah dihantar ke UIAM untuk mengambil DAIJ ke arah memartabatkan perundangan Syariah. Persidangan Kadi-Kadi Besar pada tahun

1989 telah mencapai persetujuan untuk mewujudkan skim Peguam Syariah dan menempatkan di BBG memandangkan skimnya adalah sama dengan skim L daripada Jabatan Peguam Negara. Saya sendiri bersama-sama dengan Pengarah Biro Bantuan Guaman ketika itu telah membentangkan kertas kerja berkaitan dengan kewujudan jawatan Pegawai Syariah ini semasa mesyuarat MKI pada tahun 1991. Seterusnya perkara ini direalisasikan dengan penempatan awal seramai enam orang Pegawai Syariah di cawangan BBG pada bulan Jun 1994.

Untuk kemajuan kerjaya Pegawai Syariah di BBG pula, ketika itu belum ada cadangan penubuhan JKSM, cuma untuk kemajuan kerjaya dirujuk ke Mahkamah Syariah, memandangkan di Mahkamah Syariah telah diwujudkan skim L3 dan Pegawai Syariah di BBG layak untuk dinaikkan pangkat ke Mahkamah Syariah.

**Apakah terdapat sebarang masalah pada peringkat awal pelaksanaan skim Pegawai Syariah di BBG?**

Pelaksanaan skim dan penempatan pegawai tidak mempunyai sebarang masalah yang besar. Pihak Jabatan Peguam Negara telah memberikan kerjasama yang sangat baik dengan menyediakan perjawatan dan pihak Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang saya ketuai ketika itu telah membuat pengisian perjawatan.

Pihak Jabatan Peguam Negara juga sangat mengalu-alukan kehadiran Pegawai Syariah di Jabatan mereka, begitu juga ia disambut baik oleh Mahkamah Syariah Negeri-Negeri kerana ia boleh meningkatkan proses penyelesaian kes dengan membantu Hakim membuat keputusan yang saksama. Kalau nak dikatakan masalah mungkin hanya melibatkan proses ke arah mewujudkan skim dan mendapatkan perjawatan sahaja, kerana ia terpaksa melalui proses biasa yang digariskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Mungkin juga apabila terdapat permintaan daripada Bahagian Hal Ehwal Islam ketika itu yang berhasrat untuk meletakkan Pegawai Skim Sosial (S) dan bukannya Skim Pegawai Syariah (L) di BBG, tetapi semuanya dapat diselesaikan dengan baik.

**Apakah falsafah dan semangat (spirit) di sebalik perwujudan skim ini di BBG?**

Falsafah kewujudan ini mudah sahaja. Ia terbit daripada tujuan utama kenapa BBG ditubuhkan. Ia bertujuan untuk membantu pihak-pihak yang kurang berkemampuan yang memerlukan bantuan guaman. Selain itu perkara yang berkaitan dengan bantuan guaman pula kebanyakannya melibatkan golongan wanita Islam, maka peranan Pegawai Syariah yang arif tentang perundangan Islam dan Hukum Syarak adalah sangat diperlukan dan sesuai diletakkan di BBG.

Ia bermatlamat untuk memberikan bantuan guaman kepada orang yang tidak mampu menurut Akta Bantuan Guaman 1971. Melihat kepada keadaan ini, orang yang sesuai menjalankan tugas dan misi BBG berkaitan dengan perkara ini tidak lain dan tidak bukan ialah Pegawai Syariah sahaja.

Berdasarkan matlamat yang dinyatakan terdahulu, tidak pernah timbul cadangan mewujudkan jabatan khusus untuk Pegawai Syariah bagi tujuan memberikan bantuan guaman ini, ia cuma untuk memperkemas BBG melalui penempatan Pegawai Syariah di BBG bagi memenuhi hasrat Kerajaan membantu pihak-pihak yang kurang berkemampuan untuk menyelesaikan kes.

**Sebagaimana kita maklum jumlah Pegawai Syariah di BBG sudah mencapai angka 32 orang. Adakah YBhg. Tan Sri berpuas hati dengan jumlah dan kedudukan Pegawai Syariah di BBG sekarang dan mencapai sasaran sebagaimana perancangan peringkat awal penubuhannya dahulu?**

Hasrat utama penempatan Pegawai Syariah di BBG adalah bertujuan untuk memberikan bantuan guaman yang berkesan dan supaya perjalanan kes dapat dijalankan dengan cepat dan seterusnya memberikan keadilan kepada pelanggan. Memang jelas, sewajarnya bilangan Pegawai Syariah hendaklah mempunyai angka yang mencukupi. Sekarang banyak kes tertangguh disebabkan oleh peguam BBG tidak dapat melaksanakan tugas dengan berkesan disebabkan oleh pertindihan kes antara satu Mahkamah dengan Mahkamah lain. Dari segi jumlah pegawai pula, saya lebih suka merujuk kepada cadangan untuk jawatan Hakim Syarie di Negeri-Negeri berdasarkan nisbah setiap 100,000 penduduk perlu mempunyai seorang Hakim. Nisbah sedemikian sewajarnya juga diguna pakai di BBG. Contohnya kalau di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pada masa sekarang cuma terdapat tiga orang Pegawai Syariah sahaja tetapi melihat kepada nisbah penduduk Islam seramai 800,000 orang, sepatutnya jumlah Pegawai Syariah adalah sebanyak 8 di BBG. Pandangan saya hasrat ini dikira belum tercapai di semua Negeri dan boleh diperbaiki dari semasa ke semasa.

Terdapat maklum balas daripada orang awam bahawa tugas Pegawai Syariah di BBG hanya meliputi kes-kes Syariah yang tertentu sahaja (kekeluargaan) dan tidak mengendalikan semua kes mal atau jenayah yang ada di bawah Akta atau Enakmen undang-undang Keluarga atau Jenayah Syariah. Apakah terdapat hasrat semasa perancangan dahulu tugas Pegawai Syariah di BBG juga termasuk dalam semua perkara tersebut? Adakah YBhg. Tan Sri berpendapat ada isu undang-undang jika Pegawai Syariah di BBG mengendalikan kes jenayah Syariah yang lebih bersifat peribadi seperti dalam kes berpoligami tanpa kebenaran atau kesalahan terhadap perintah agama seperti menyebarkan ajaran sesat? Sempena 40 tahun penubuhan BBG, sudah tiba masanya untuk BBG memperluas bidang kuasanya dalam bantuan guaman Syariah, misalnya dalam tuntutan sebelum perkahwinan seperti ganti rugi pertunungan dan dalam bidang baru seperti pengesahan hibah dan wasiat. Apakah pandangan YBhg. Tan Sri dalam hal ini?

Sebenarnya tidak menjadi hasrat semasa cadangan penempatan dahulu supaya Pegawai Syariah ini turut mengendalikan kes-kes melibatkan jenayah Syariah. Ini memandangkan kes-kes melibatkan kekeluargaan Islam sudah terlalu banyak dan lebih memerlukan tindakan segera. Sesuatu yang tidak munasabah untuk membantu pesalah-pesalah jenayah seperti khalwat, kelakuan tidak sopan dan sebagainya, adalah lebih baik ditumpukan perkara yang lebih penting seperti tuntutan nafkah. Berkaitan dengan bidang kuasa BBG pula, saya berpendapat, Pegawai Syariah perlu mengendalikan semua perkara yang terdapat dalam Undang-Undang Keluarga Islam, sama ada melibatkan tuntutan sebelum atau selepas perceraian. Kes-kes seperti hibah dan wasiat, elok diambil perhatian oleh JBG. Ia memberi peluang kepada pegawai untuk membuat penyelidikan, kajian dan sebagainya untuk pertambahan ilmu.

Salah satu matlamat penempatan Pegawai Syariah ini adalah supaya mereka lebih berpengetahuan dan berkemahiran dalam semua aspek Undang-Undang Keluarga Islam, juga sebagai pendedahan untuk menjadi seorang Hakim Syarie yang berkebolehan. Menjadi hasrat saya supaya orang yang dilantik sebagai Hakim berpengalaman dalam pelbagai bidang, seperti pendakwaan, kepeguanan dan bidang-bidang yang lain. Adalah menjadi satu amalan, seorang Pegawai Syariah itu hanya ditempatkan di sesuatu jabatan dalam tempoh tiga tahun sahaja dan tidak melebihi 5 tahun kecuali terdapat perkara mustahak. Ini adalah bertujuan membolehkan mereka menimba pengalaman di tempat lain pula. Walau perkara ini tidak bertulis tapi saya sentiasa memperingatkan kepada semua pegawai pada setiap masa.

Sebagaimana YBhg. Tan Sri maklum, tidak semua Pegawai Syariah boleh menjadi seorang Peguam Syarie yang baik. Oleh itu, pada pandangan YBhg. Tan Sri apakah prasyarat, kehendak dan kualiti yang diperlukan untuk menjadi seorang Peguam Syarie yang baik (dalam ruang lingkup BBG)?

Pegawai Syariah mesti mempunyai bacaan yang meluas dan berpegang pada istiqamah, berilmu dan mempunyai integriti yang baik. Pengetahuan dan akhlak adalah penting kerana "nature" tugas di BBG adalah melibatkan hubungan dengan orang ramai dan juga Mahkamah. Amanah sangat penting memandangkan banyak perkara di BBG memerlukan pegawai yang amanah kerana ia melibatkan pelanggan yang terdiri daripada orang awam yang kurang arif dari segi undang-undang. Pegawai-pegawai hendaklah menonjolkan kebolehan mereka dengan menyediakan pernyataan tuntutan yang baik, alasan dan hujah yang kemas, berkualiti dengan sumber rujukan yang bersesuaian. Prinsip sentiasa berbincang, bermuzakarah, berdialog serta bertanya kepada orang yang lebih "senior" adalah penting. Melalui kesungguhan dan dedikasi ini, akan menerbitkan minat dan kualiti yang baik sebagai Peguam Syarie. Peguam Syarie di BBG perlu diingatkan, matlamat kerjaya mereka adalah ke arah menjadi Hakim di Mahkamah Syariah yang adil dan berkualiti.

Apakah nasihat YBhg. Tan Sri kepada Pegawai Syariah di BBG dalam menjalankan tugas mereka dan menunaikan kewajipan mereka untuk menjadikan BBG sebagai suatu jabatan yang unggul dalam mengendalikan kes Syariah bagi golongan yang kurang berkemampuan?

Pegawai Syariah di BBG kena memahami dan melaksanakan apa yang dikehendaki oleh misi dan visi jabatan, sentiasa bersungguh-sungguh dan meletakkan keadaan diri dalam keadaan sentiasa ikhlas dalam menjalankan tugas tanpa mengharapkan ganjaran, hanya berharap segala amal kebaikan dibalas dengan setimpal oleh Allah, prinsip "ham rezki" hendaklah tiada dalam jiwa setiap pegawai, sentiasa bersikap terbuka dan menerima segala teguran dengan berlapang dada, sentiasa mengadakan perbincangan dan perundingan dengan kakitangan yang lain. Sikap-sikap ini menjadi teras untuk Pegawai Syariah menjadi lebih maju dan berjaya dan dihormati pada masa hadapan.

Sejak Pegawai Syariah ditempatkan di BBG bermula dari tahun 1994 sehingga sekarang ini, adakah YBhg. Tan Sri berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh mereka?

Dari segi prestasi, kalau melihat kepada maklum balas daripada Ketua-Ketua Pengarah atau Pengarah-Pengarah Negeri, tidak ada sebarang makluman mengenai sikap atau salah laku Pegawai Syariah di BBG sehingga kini. Kemungkinan walaupun ada sedikit sebanyak perkara yang kurang memuaskan pada pihak Pegawai Syariah adalah asam garam sebagai manusia biasa, tetapi ia bukan perkara yang serius dan dapat diimbangi dengan mutu kerja mereka secara keseluruhannya. Walau bagaimanapun, pada setiap kekurangan yang penting hendaklah cuba dielakkan dan diatasi dengan sewajarnya. Setiap kerja yang diberikan tidak boleh kita tolak dan sentiasa istiqamah dalam setiap pekerjaan. Semangat kerja secara berpasukan di kalangan pegawai hendaklah sentiasa diterapkan serta sentiasa bekerja saling bantu-membantu. Setiap permasalahan dibincangkan dan diselesaikan secara baik.

Terima kasih atas kesudian YBhg. Tan Sri meluangkan masa.  
Sama-sama.





Lawatan Ke Perkampungan Orang Asli, Jerantut, Pahang



# BAHAGIAN III

- Cetusan Rasa
- Keratan Akhbar
- Corat-Coret Jabatan Bantuan Guaman
- Sidang Redaksi



# CETUSAN RASA

Puan Siti Zubaidah binti Sakor telah dilahirkan pada 15 November 1956 di Ijok, Selangor. Beliau merupakan anak keenam daripada 14 orang adik-beradik. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Ijok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman Shah di Batang Berjuntai, Selangor. Beliau juga turut menyambung pelajaran di peringkat sijil dalam bidang pentadbiran hotel di Institut Teknologi Mara Shah Alam, Selangor. Beliau telah berkahwin pada tahun 1977 dan mempunyai 2 orang cahaya mata. Beliau telah menyertai perkhidmatan awam dari tahun 1977 dan telah ditempatkan di Jabatan Bantuan Guaman sehingga ke hari ini. Beliau telah berkhidmat di JBG selama 33 tahun.

“


Saya telah mula bertugas dalam perkhidmatan Kerajaan Persekutuan di bawah skim Jurutaip Gred 3 di Jabatan Bantuan Guaman pada 26 April 1977. Pejabat JBG pada ketika itu terletak di Blok K, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Kemudiannya telah berpindah pejabat di Jalan Tangsi, Bangunan Rakyat dan seterusnya di Jalan Raja Laut. Beberapa tahun kemudian, JBG telah dipecahkan kepada 2 cawangan, iaitu bagi kawasan Wilayah Persekutuan di Jalan Raja Laut dan bagi Cawangan Selangor terletak di Plaza Perangsang, Shah Alam. Setelah pembahagian kakitangan dan pegawai dibuat, saya telah ditempatkan di JBG Selangor sehingga ke hari ini.

Pengalaman yang paling tidak dapat dilupakan dan menarik ialah sewaktu saya diarahkan untuk menjadi operator telefon. Saya tidak pandai untuk menggunakan alat yang dipanggil ‘switch board’. Saya terasa sangat lucu dan kelakar apabila teringat kembali peristiwa itu kerana saya memang tidak tahu apa-apa tentang kecanggihan teknologi pada ketika itu. Maklum sajalah saya berasal dari kampung dan memang tidak tahu tentang teknologi.

Selain itu, sepanjang saya berada di JBG saya sangat simpati melihat pelanggan JBG yang datang dari jauh semata-mata untuk mendapatkan khidmat nasihat dan juga khidmat guaman di JBG. Mereka datang dari seluruh pelusuk daerah negeri Selangor seperti Kuala Kubu Baru, Sabak Bernam, Ijok. Saya juga berkesempatan melihat berbagai-bagai ragam dan kerentang para pelanggan. Ada yang sangat berterima kasih dan terhutang budi apabila masalah dan kes mereka dapat diselesaikan oleh JBG. Ada juga yang marah apabila JBG tidak dapat memberi bantuan khidmat guaman kerana kes di luar kuasa atau pendapatan mereka melebihi had kelayakan yang telah ditetapkan.

Harapan saya semoga JBG dapat menambah lebih banyak lagi cawangan terutamanya di kawasan Negeri Selangor bagi membantu mereka yang tinggal jauh daripada cawangan yang sekarang ini hanya berada di Shah Alam. Sebagai orang lama di JBG, saya juga menyeru kepada semua warga JBG di seluruh Malaysia supaya dapat terus berkhidmat dengan ikhlas, jujur dan amanah supaya nasib mereka yang sangat memerlukan khidmat nasihat dan bantuan guaman mendapat keadilan sewajarnya di sisi undang-undang. Saya juga doakan agar JBG akan menjadi sebuah jabatan yang berprestij, cemerlang, gemilang dan terbilang pada suatu hari nanti.

”





# BIRO BANTUAN GUAMAN



*Siti Zubaidah binti Sakor*

# CETUSAN RASA

Encik Meor Ahmad Marzuki bin Meor Abd Ghani telah dilahirkan pada 27 September 1956 di Negeri Perak. Beliau mula berkhidmat dalam perkhidmatan awam pada 15 November 1979. Pada 12 Februari 1991, beliau telah ditempatkan di Biro Bantuan Guaman Ipoh sebagai Pembantu Undang-Undang Gred L29. Sekarang beliau bertugas sebagai Pegawai Pengantara di JBG Ipoh, Perak.

“

**A**pakan itu Biro Bantuan Guaman? Suatu organisasi yang tidak pernah saya dengar dan ketahui sebelum ini. Tanggal 12 Februari 1991, bermulalah detik penting bagi saya apabila melaporkan diri di Biro Bantuan Guaman Cawangan Ipoh. Bermulalah kehidupan menjadi warga BBG di Ipoh dan pernah seketika berkhidmat dengan BBG Taiping untuk tempoh 6 tahun dan kembali semula bertugas di Ipoh dengan penuh kenangan indah dan tidak kurang mencabar sepanjang tempoh tersebut.

Setelah melaporkan diri, soalan pertama yang ditanya kepada saya ialah sudahkah saya mempunyai atau menempah “coat”. Saya kemudiannya diarah supaya bersiap sedia dalam tempoh seminggu dengan “coat” supaya dapat hadir ke mahkamah dengan segera untuk mengendalikan kes.

Saya difahamkan bahawa jawatan Pembantu Undang-Undang menghendaki saya menjadi Peguam BBG yang akan mewakili orang-orang yang kurang berkemampuan dan susah untuk membela nasib mereka di mahkamah. Dalam jangka masa yang singkat saya dikehendaki bertindak sebagai seorang peguam bela atau peguam cara. Saya tidak pernah termimpi akan berada dalam situasi seperti itu. Apatah lagi tanpa sebarang latihan dan kursus terlebih dahulu.

Pada awal perkhidmatan sebagai Pembantu Undang-Undang, saya telah diarahkan mengendalikan kes-kes sivil di mana saya perlu berhadapan dengan pelbagai ragam dan kerentang Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen. Selang beberapa bulan kemudian, saya diarahkan pula mengendalikan kes-kes Syariah yang ketika itu belum diwujudkan jawatan Pegawai Syariah di BBG. Berpegang kepada moto bahawa tidak ada apa yang tidak boleh dibuat, saya telah berazam untuk menjalankan tugas dengan sebaik mungkin. Diketuai oleh seorang Penolong Pengarah (kini Pengarah), 2 orang Pembantu Undang-Undang, 4 orang kerani, seorang pelayan pejabat dan seorang jurutaip, kami menjalankan tugas-tugas di BBG dengan penuh dedikasi walaupun ada suara-suara sinis mengatakan bahawa kami ini hanyalah “lawyer RM1.00” atau “lawyer-lawyer janda”.

Walaupun hampir loya saya mendengar kata-kata sinis itu, tetapi apa yang lebih penting adalah melaksanakan tugas-tugas dengan azam pelanggan BBG perlu didahulukan. Berbekalkan semangat juang dan jati diri yang tinggi, saya bersama-sama rakan seperjuangan telah berjaya membuktikan bahawa “lawyer RM1.00” juga mampu melaksanakan tanggungjawab dan tugas kami serta berjaya menyelesaikan kes-kes yang tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Saya juga amat berterima kasih kepada peguam-peguam swasta yang telah banyak memberi nasihat dan tunjuk ajar terutama dari segi etika dan seni kepegumann sewaktu saya baru-baru belajar untuk mengendalikan kes di mahkamah.

Teringat saya sewaktu mengendalikan kes perbicaraan pertama iaitu kes kemalangan. Kes tersebut juga merupakan kes pertama kepada peguam daripada pihak lawan. Walaupun kami datang dari sektor yang berbeza tetapi persamaannya ialah kes tersebut merupakan pengalaman pertama kepada kami berdua yang tiada pengalaman. Apa yang tidak boleh saya lupakan ialah suasana yang adakala saya menjadi berdebar-debar dan tergagap-gagap untuk memberi hujah. Tetapi apa yang sangat menarik dan masih saya ingat sehingga kini ialah Tuan Hakim di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar tersebut telah berjaya mengawal dan menyelia kami berdua sepanjang perbicaraan kes tersebut. Saya juga mendapat tahu bahawa peguam tersebut kini juga telah menjadi Hakim di Mahkamah Sesyen.



*Near Ahmad Marzuki*

*Pengalaman mengendalikan kes-kes Syariah di peringkat awal amat mengejutkan kerana ilmu yang sangat cetek tentang Undang-Undang Keluarga Islam. Apatah lagi bila kes pertama yang saya lihat dikendalikan oleh rakan seperjuangan yang mengendalikan kes tuntutan cerai oleh pihak isteri kerana suami tidak dapat menunaikan nafkah batin. Suasana perbicaraan yang begitu sensitif dan mengaibkan pihak suami (defendant) tidak dapat saya terima pada awalnya kerana saya anggap kes-kes seperti ini sangat memalukan untuk dibicarakan di mahkamah. Saya juga berasa amat bersalah untuk membawa kes-kes perceraian kerana saya menganggap diri saya cuba meruntuhkan masjid-masjid yang telah dibina.*

*Lalu saya telah berdebat tentang isu tersebut bersama YA Tuan Hakim pada ketika itu. Setelah dihuraikan dengan terperinci oleh YA Hakim tersebut (kini telah menjadi Ketua Hakim Negeri Perak), maka fahamlah dan jelas kepada saya betapa besar hikmah di sebalik kita membantu orang-orang yang teraniaya seperti isteri-isteri yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga. Mengendalikan kes-kes begini juga memberi banyak pengajaran dan teladan dalam hidup saya. Jika sebelum ini saya hanya membaca kisah-kisah hidup insan malang melalui akhbar-akbar mahupun tabloid tetapi kini saya berpeluang berhadapan dengan suasana sebenar permasalahan kehidupan mereka.*

*Antara kisah atau kes yang begitu menyentuh hati saya apabila seorang isteri menuntut cerai disebabkan oleh suaminya sendiri telah menjadikan dia sebagai pelacur dan mereka hidup hasil daripada wang pelacuran tersebut. Terdapat juga kes tiada nafkah diberi oleh suami sehingga isteri terpaksa bergantung dan meminta belas kasihan bantuan daripada jiran tetangga. Suami yang sepatutnya bertanggungjawab menghilangkan diri tanpa dapat dikesan. Keadaan ini boleh memberi keinsafan kepada sesiapa sahaja dalam menghadapi kehidupan ini dan alangkah bersyukurnya kita yang hidup dalam serba kesempurnaan.*

*Kepada rakan-rakan seperjuangan sekalian, ingin saya nyatakan bahawa bukanlah gaji yang menjadi keutamaan tetapi yang lebih penting adalah hikmah yang tersirat apabila anak guam berpuas hati walaupun sekadar memberi sedikit khidmat nasihat tetapi mereka sangat berterima kasih yang tidak terhingga atas perkhidmatan yang telah diberikan.*

*Saya bertugas di BBG Taiping selama lebih kurang 6 tahun dan di situ saya memperoleh pengalaman paling indah dalam hidup apabila saya mengendalikan purata 10 hingga 20 fail sehari di Mahkamah Syariah dan adakalanya menghadiri 2 hingga 3 mahkamah dalam sehari. Begitu juga melalui pengalaman bicara sehingga 5 kes sehari sehingga saya terpaksa "surrender" kepada Tuan Hakim Mahkamah Syariah.*

*Kini, saya telah diarahkan menjalankan tugas baru sebagai Pengantara. Bagi saya ia adalah suatu cabaran baru yang memerlukan transformasi kebiasaan saya daripada seorang yang banyak bercakap kepada seorang pendengar yang setia. Ia membuatkan lidah saya menjadi kelu daripada berkata-kata. Kini saya perlu bertahan melayan kerenah anak guam dengan kesabaran yang tinggi. Inilah dugaan baru yang perlu saya hadapi, menukar diri saya menjadi seorang pendiam dan pendengar yang baik. Begitulah perkembangannya di JBG.*

*Kini JBG semakin berkembang dengan memperluas organisasi melalui penambahan cawangan-cawangan di Negeri dan juga penstrukturkan semula dengan wujudnya jawatan-jawatan baru supaya pegawai-pegawai yang lebih mahir dan berpengalaman dilantik.*

*Sejarah perkembangan JBG yang amat menggembirakan ialah ketika penstrukturran semula organisasi diluluskan dan alangkah indahnya terutama bagi pegawai-pegawai dalaman yang akan mendapat peluang lebih terbuka bagi kenaikan pangkat. Kalau tidak silap saya, sebelum ini hanya terdapat 2 atau 3 sahaja jawatan L4 (kini L32) di seluruh Malaysia tetapi kini jawatan tersebut telah bertambah di setiap negeri dan tidak lupa juga saya sangat berterima kasih kepada pihak pengurusan atasan JBG.*

*Sehingga ke hari ini kita telah dilimpahi rahmat dan rezeki berganda bukan sahaja kerana usaha kita tetapi juga berkat doa orang yang telah kita bantu melalui perkhidmatan kita. Di samping itu juga kita haruslah sentiasa melengkapkan diri supaya menjadi lebih berdaya saing dan sedia untuk membantu dengan bersungguh-sungguh. Kita juga harus menyiapkan diri "without fear or favour" serta lebih "profesional" bagi memastikan keadilan dapat terus diperjuangkan atau dilaksanakan kepada mereka yang amat memerlukan.*

*JBG kini sangat membanggakan kerana telah berjaya menjadi sebuah organisasi yang dihormati dan disegani setanding dengan jabatan atau agensi Kerajaan yang lain. Sesungguhnya coretan ini hanyalah serba sedikit daripada lakaran kehidupan yang telah saya lalui di JBG selama ini. Sesungguhnya yang baik itu hanyalah milik ALLAH dan yang kurang baik itu adalah atas kekurangan dan kelemahan saya sendiri sebagai seorang yang bergelar insan.*

*Sekian, terima kasih. „*







*“Kegemilangan perkhidmatan yang berterusan hendaklah senantiasa disemai supaya masyarakat yang kurang berkemampuan terbela dari segi undang-undang”*

Petikan daripada ucapan Puan Faridah binti Ibrahim  
Bekas Ketua Pengarah Biro Bantuan Guaman



Tahunan Pegawai BBG Ke-19, di si-  
-nal malam. .... kewendalian

"Demi memenuhi keperluan yang ramai, penstrukturran semula BGB dilakukan sepanjang bulan ini dan setakat ini 415 daripada 515 jawatan berjaya dilis membabitkan semua cawangan di seluruh negara.

"Penambahan kakitangan ini membolehkan BBG menyediakan khidmat bantuan dan nasihat guna kepada rakyat yang memerlukan."

"Penambahan kakitangan ini membolehkan BBG menyediakan khidmat bantuan dan nasihat guna kepada rakyat yang memerlukan."

Beliau memberitahu pemberita selepas merasmikan Persidangan

**Biro Bantuan Guaman tambah kakitangan**

**K**OTA BHARU: Biro Bantuan Guaman (BBG) kini distruktur semula menerusi penambahan 415 pegawai dan kakitangan di seluruh negara bagi memantapkan khidmatnya kepada orang ramai.

mai. Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, berkata sebagai berikut: "Tujuan guaman kepada agensi bank tidak berkemampuan golongan timur memberi jaminan BBG kini menyatakan khidmat setaraf firma guna man swasta.

# Keratan Akhbar

1970 - 2010 BANTUAN GUAMAN

ILMU DAN MAKLUMAT

BULETIN EDISI KHAS

Statistik daftar kes di Biro Bantuan Guaman (BBG)				
	1998	1999	2000	2001
a (sivil)	5,305	5,175	5,419	5,960
ah	628	727	883	980
Nasihat	511	408	353	405
H	893	759	624	359
lesai	9,958	8,764	9,336	8,004
	17,297	15,833	16,615	15,708
	5,948	6,219	6,101	14,494

Izin 27/11/03 ms. 7  
Wanita paling ramai  
minta bantuan BBG

CERAIAN mahu pun perpisahan yang umum sah bukan sahaja mengundang penilaian mental, tetapi juga bebanan yang kewangan.

Dalam menghadapi kesukaran untuk menyara anak-anak, mereka terpaksa pula mengeluarakan peruntukan bagi mendapatkan khidmat peguam.

Terdesak antara hak dan ketiadaan wanita akhirnya memilih Biro Bantuan Guaman (BBG) untuk mendapatkan bantuan walau terpaksa berbaris panjang.

Lebih-lebih lagi wanita yang tidak berkerja atau suri rumah yang mana segala perbelanjaan sebelum ini ditanggung oleh suami.

Menurut jurucakap Ibu Pejabat BBG, kaum wanita merupakan golongan yang paling ramai mendapatkan khidmat yang disediakan.

Berdasarkan perangkaan kes keluarga syariah yang didaftarkan bagi tahun 2001, sebanyak 5,815 kes diketengahkan oleh wanita berbanding hanya 165 kes oleh lelaki.

Kes yang paling tinggi difaikkan ialah tuntutan cerai iaitu 2,851 diikuti nafkah muaf kuasa perintah nafkah sebanyak 350 harta sepen-

Daripada kedua-dua jenis tuntutan yang paling tuntutan kes kemalaman harta pesaka 50, pekerja 35, sewa lain lagi. Begitu juga dengan yang didaftarkan iaitu 349 kes manakala wanita pengakuan jenayah dua kes satu kes.

Manakala pula kesemua salah jenayah

## Biro Bantuan Guaman ditukar nama

MM. 24.1.10 ms. 9  
PADANG RENGAS 23 Jan. – Nama Biro Bantuan Guaman yang diguna pakai sekarang akan ditukar kepada Jabatan Bantuan Guaman, kata Menteri di Jabatan



Biro Bantuan Guaman boleh dihubungi di talian 03-88551000 atau pengguna boleh melayari www.bbgb.gov.my. Biro Bantuan Guaman mempunyai cawangan hampir di seluruh negara bagi masyarakat.

satu bagi setiap negeri terbudeh pada Persekutuan dan negeri-negeri.

Aka. Kesihatan-Kesihatan Keil 1953.

Guruplatitmu ini sebaik mungkin demi meningkatkan perkembangan anak anda. Do-

dokumen berkenaan per-

perlu diunduh tanpa sampa-

kan maklumat ini ke wargan-

bangsa. Anda tidak seharusnya membahayak-

nya diri anda.

Peraturan ini adalah

peraturan yang ada









1. Gambar menunjukkan Pengarah Biro Bantuan Guaman, Encik Wan Yahya bin Pawan Teh sedang memberikan penerangan berhubung dengan peranan dan bidang kuasa Biro Bantuan Guaman.
2. Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada tahun 1983.
3. Menteri Undang-Undang dan Peguam Negara, YB Datuk Seri Haji Hamzah bin Abu Samah hari ini (19 Oktober 1978) sedang berjalan bagi merasmikan Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan Biro Bantuan Guaman seluruh Malaysia di Ibu Pejabat Biro Bantuan Guaman, Kuala Lumpur.
4. Ucapan perasmian oleh YB Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir bin Yusuf.
5. Ucapan oleh Pengarah Biro Bantuan Guaman pertama Encik Wan Yahya bin Pawan Teh sempena penubuhan Biro Bantuan Guaman Malaysia.
6. Antara tetamu yang hadir semasa Majlis Perasmian Penubuhan Biro Bantuan Guaman pada tahun 1970.
7. Orang ramai sedang menunggu giliran bagi mendapatkan khidmat bantuan guaman.

HOSI  
THE HON  
DATO' SERI MOHAMAD  
MINISTER IN THE PRIME



22 JUN  
THE L
































Halimah merasakan dirinya teraniaya dan mengambil keputusan muktamad untuk mendapatkan pembelaan bagi dirinya di Jabatan Bantuan Guaman. Setelah disoal selidik, kes beliau layak untuk diberi pembelaan.



**Jabatan Bantuan Guaman bersedia dalam memberi nasihat dan kaunseling seterusnya mewakili golongan wanita atau isteri yang teraniaya akibat daripada sikap suami yang tidak bertanggungjawab ke mahkamah untuk diberikan pembelaan yang sewajarnya.**

# Kisah Perjuangan Seorang Ibu Tunggal

Nun di sebuah desa di sebuah negeri di Pantai Timur, bertemu seorang duda dan seorang ibu tunggal. Setelah kasih bertaut, mereka sepakat mendirikan rumah tangga. Masing-masing berjanji sehidup semati, susah senang biar bersama, pengalaman lalu ingin dilupakan. Hidup mereka menjadi lebih bahagia apabila dikurniakan seorang anak lelaki sebagai pengikat kasih. Si ibu tunggal dan si duda mengharungi hidup dengan bijaksana, menebas hutan dan membuka kebun. Pagi petang sentiasa bersama, menoreh getah mencari rezeki sehingga berjaya mengumpul harta, tanah hutan anugerah Kerajaan, ditukar milik ke atas nama suami.

Namun si ibu tunggal menyangka panas hingga ke petang rupanya hujan di tengahari. Si duda mula berasa selesa, si ibu tunggal rajin bekerja, harta sudah ditukar nama, tanah hutan menjadi kebun, bukan seekar malah seluas mata memandang. Si duda mula mengintai janda lain, akhirnya si ibu tunggal diceraikan, dihalau keluar sehelai sepinggang. Merantaulah si ibu tunggal bersama permata hati tunggal, sehelai sepinggang membawa hati nan lara.

Ke manakah si ibu tunggal ingin mengadu nasib? Harta dikumpul milik orang, sudahlah sehelai sepinggang, dihalau begitu sahaja? Si ibu tunggal bertekad mempertahankan hak, walau apa jua BBG mesti membantu. Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu menjadi medan peperangan, si duda enggan bertolak ansur, si ibu tunggal berkeras mempertahankan hak. Walau apa jua cabaran yang datang, si ibu tunggal yakin Allah Maha Adil, akhirnya setelah hampir sembilan tahun turun naik Mahkamah, keadilan ditegakkan. Mahkamah telah memutuskan bahawa si ibu tunggal berhak separuh daripada setiap harta sepencarian yang dikumpulkan yang nilai keseluruhannya adalah lebih kurang RM250,000.00.

# Istimewa Buat Semua Warga Jabatan Bantuan Guaman

*Kita tambatkan perjuangan ini  
Bersandarkan keikhlasan yang tiada noktah  
Sambil memahat sabar dalam merobek duka  
Memberi bakti mendamaikan hati*

*Sama kita bulatkan iltizam  
Menjunjung amanah  
Intipatinya kemuliaan*

*Pahitnya sama kita telan  
Sukarnya sama kita rungkaikan  
Payahnya sama kita tempuh*

*Di akhir sayembara ini  
Kita mampu puas  
Walau sekelumit cuma  
Kerana di sebalik kelamnya hidup  
Esok menjanjikan keceriaan  
Buat insan bergelar pelanggan*

*Hasil nukilan  
Azmi JBG Ibu Pejabat*

# SIDANG REDAKSI JABATAN BANTUAN GUAMAN

Penaung



*Puan Siti Zawahir binti Mohamed*

Penasihat



*Tuan Sapini bin Mat Saman*

Sidang Pengarang



*Abdul Halim bin Muhamad*



*Naziah binti Mohamed*



*Zurina binti Razali*



*Zuhairah binti Zainuddin*



*Ketua Pengarang*



*Muhammad Bukhari bin Ab. Hamid  
(Mac 2010 sehingga 15 April 2010)*



*Zaim bin Md Yudin  
(16 April 2010 sehingga 15 Julai 2010)*



*Wan Aizaa binti Wan Abdullah*

*Editor Grafik & Jurugambar*



*Nur Ilham binti Mat Daud*



*Mohd Shahidan bin Mokhtar*



*Ahmad Ikhzan bin Omar*





1970 – 2010

*Bantuan Guaman Menerusi Dekad*

# JABATAN BANTUAN GUAMAN







DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2011  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773  
JD865